

Negeri Kita

Wadah Informasi Anda


Belanjawan 2025 yang bernilai RM421 bilion adalah satu jumlah belanjawan tertinggi setakat ini bagi tujuan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Belanjawan Madani 2025

DEMI RAKYAT TERBANYAK

Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 dengan tema "MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT" yang mencerminkan usaha kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif, memastikan kemajuan yang mampan, dan membina masa depan yang lebih sejahtera untuk rakyat Malaysia, dengan tiga tumpuan utama iaitu :

- i) Memperkukuhkan kedudukan Fiskal dan penyampaian Perkhidmatan Awam.
- ii) Menggalakkan daya saing dan pelaburan berkualiti.
- iii) Meningkatkan taraf hidup rakyat dan perlindungan sosial.



Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang mengumumkan beberapa peruntukan khusus untuk rakyat Negeri Sembilan:

- Projek naik taraf Jalan Bahau-Keratong Jempol.
- Projek naik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kuala Sawah.
- Pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) bagi jajaran Banting ke Gelang Patah melalui Negeri Sembilan dijangka memacu perubahan pembangunan kawasan terlibat.
- Program Residensi Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat, termasuk 2 projek PRR Baharu di Port Dickson.
- Sebuah jambatan sementara Bailey kepada semua Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan MARRIS sebagai persediaan awal bagi menangani masalah jalan terputus akibat bencana banjir.



Analisis: Usaha Kerajaan Madani merubah nasib rakyat terbanyak



BERMULA 17 Oktober 2024, kita akan dihidangkan dengan pelbagai pandangan dari pelbagai pihak yang berkepentingan memberi komentar tentang Belanjawan Madani 2025.

Kali ini, Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan lebih berani mengubah kebiasaan yang dahulu menjadi 'tangkal azimat' kerajaan yang hanya mementingkan kuasa politik dari memikirkan keadaan sebenar kewangan negara dan nasib rakyat terbawah.

Pembangkang, seperti biasa tiada hujah dan belanjawan alternatif. Hanya bangun membahas diluar konteks belanjawan, asalkan boleh dijadikan modal 'content' TikTok mereka.

Jika sekadar membahaskan perkataan ketimbang, mahakaya, pundak, lebih baik jangan masuk Dewan Rakyat. Layaknya duduk di kedai kopi.

Ruginya Malaysia tiada pembangkang yang konstruktif.

Kita perlu lihat Belanjawan Madani 2025 dalam tiga sudut. Sudut pertama adalah penghasilan sumber negara.

Anwar telah menyatakan negara ini akan memastikan cukai yang dikenakan adalah lebih adil dan saksama.

Penambahbaikan sistem pencukaian dan penguatkuasaan cukai serta pelaksanaan cukai baharu kepada sasaran yang mahakaya akan menambah sumber hasil negara.

Semestinya cukai adalah salah satu sumber utama hasil negara.

Jika ia tidak dikemaskini dan diperkasa, negara akan hilang hasil. Lebih malang negara berdepan dengan masalah 1MDB yang menyusahkan semua orang di Malaysia.

Sudut kedua adalah penyasaran subsidi. Untuk rekod terkini, jumlah subsidi kerajaan sekitar RM80 bilion. Lebih 20 peratus dari perbelanjaan negara adalah untuk subsidi.

Tahun 2024, apabila kerajaan mengapungkan harga ayam yang selama ini menjadi lubuk makanan percuma kartel ayam, harga ayam tetap murah mengikut harga pasaran.

Tiada lagi masalah ayam tidak cukup di pasaran. Kerajaan jimat RM1.0 bilion. Penyasaran subsidi diesel pula membolehkan kerajaan jimat RM4.0 bilion.

Dijangka dengan penyasaran subsidi RON95 pula akan menjimatkan RM8.0 bilion.

Semua penjimatan subsidi ini akan membolehkan kerajaan memulangkan kembali kepada rakyat secara terus tanpa pembaziran kepada warga asing atau orang yang mahakaya.

Sudut ketiga pula adalah gerakan kerajaan membanteras rasuah secara menyeluruh. Ini yang tiada pada kerajaan terdahulu.

Hari ini, kita dapat lihat pelbagai kes-kes penyelewengan sudah dibongkar.

Isu yang terbaru melibatkan jumlah RM1.8 bilion dana NAFAS yang sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada petani-petani dalam aspek pembekalan baja.

Ini bukan kerja tahun 2024. Ini belaku bertahun-tahun dahulu. Disambung oleh mereka yang menjadi kerajaan dari 2020 hingga 2023.

Apakah mereka yang melalak-lalak perjuangan Melayu, tapi tidak mahu membuat perubahan atas masalah yang membelenggu petani-petani Melayu?

Usaha Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu patut diangkat dan diberikan pujian.

Selepas ini akan ada lagi pembongkaran yang akan melemahkan perasuah-perasuah yang dahulu bermaharajalela di Malaysia.

Maka, tahun 2025 ini akan menjadi 'tipping point' untuk Malaysia terus bangkit dari segi ekonomi yang seterusnya memberi kesan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sekarang ini kita masih mendengar sebahagian rakyat bercakap-cakap seolah-oleh tiada apa yang mereka dapat.

Tetapi jangan nanti bila sudah banyak mendapat manfaat, mulut masih berbunyi sampai tidak tahu apa erti bersyukur menjadi rakyat Malaysia.

Naratif Kito



Memaknai slogan ubah dan reformasi dalam Belanjawan Madani

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

ZAMAN reformasi telah berlalu lebih 25 tahun di bumi Malaysia. Jika anda lahir tahun 1998, hari ini anda adalah generasi yang sepatutnya menikmati harga reformasi yang berlaku di Malaysia.

Ini bukan soal anda sokong kerajaan atau pembangkang. Walaupun berbeza di negeri-negeri, terutamanya di Kelantan, memaknai slogan UBAH dan REFORMASI itu jauh berbeza.

Rakyat Malaysia sangat rencam dari aspek ideologi. Perbezaan agama dan bangsa bukan ukuran. Yang sama agama pun berbeza dari segi fikrah dan mazhab. Tengok sahajalah isu RUU Muf-ti Wilayah.

Penganut Kristian, Buddha dan Hindu juga tidak terkecuali. Tetapi apa yang lebih penting, kita dapat melihat selepas era reformasi, rakyat Malaysia lebih cakna isu-isu yang terkait dasar-dasar kerajaan dalam pelbagai perspektif.

Hari ini, jika mereka mengkritik kerajaan, tidak bermakna mereka tidak menyokong kerajaan. Jika mereka bersama kerajaan, belum tentu mereka akan mengundi kerajaan. Ini satu tahap yang bagus untuk rakyat Malaysia.

Hampir dua tahun Kerajaan Perpaduan mentadbir negara, kita dapat lihat perubahan besar terhadap pola pemikiran rakyat.

Kita jangan takut jika rakyat berani mengkritik kerajaan. Lebih baik mereka sentiasa rapat dengan isu-isu dan dasar kerajaan.

Ia sangat bagus untuk kita mendapat kerajaan yang berintegriti. Inilah hasil reformasi. Rakyat akan menjadi pengadil yang paling rencam sebelum kerajaan membuat sesuatu dasar yang baharu.

Contoh, Belanjawan 2025, kerajaan mahu menasaskan subsidi RON95, dan memperbaharui semula sistem cukai negara. Di parlimen berlaku perbahasan dan di kalangan rakyat juga berlaku perbincangan.

Baik atau buruk adalah bergantung kepada sejauh mana Ahli Dewan Rakyat menggunakan ruang perbahasan.

Jika asyik memikirkan 'content' TikTok apabila berucap dalam sidang dewan, lebih baik tidak perlu jadi ahli Parlimen.

Rakyat hari ini sedang memerhati Kerajaan Perpaduan untuk memaknai slogan UBAH dan REFORMASI.

Banyak yang perlu diperbaiki. Pihak pembangkang telah diberi peluang 33 bulan memerintah. Peluang sudah diberi. Walaupun caranya tebuk atap, ia telah pun berlaku.

Kali ini peluang Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan PMX. Rasanya, dunia telah mengiktiraf kepimpinan beliau.

Rakyat Malaysia masih buat-buat tak nampak atau malu alah sebab sebelum ini terlajak ludah ke langit. Akhirnya kena ke muka sendiri. Aduh!

Belanjawan 2025 menyantuni OKU, merintis masa depan, merencanakan ekonomi

Oleh **DR MOHD ZAIDI MD ZABRI**

GOLONGAN orang kurang upaya (OKU) di Malaysia acap kali menghadapi cabaran yang berat dalam memperoleh peluang pendidikan, pekerjaan, serta kualiti kehidupan yang saksama dengan masyarakat umum. Tanpa sokongan yang bersepadu, golongan rentan sebegini akan terus terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Oleh demikian, Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lalu menasaskan untuk merubah situasi ini dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif bersasar bagi meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan OKU.

Dalam Belanjawan 2025, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM1.3 bilion khusus untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Sementara kebanyakan tumpuan mungkin diberikan kepada aspek kebajikan, terdapat implikasi ekonomi yang lebih besar di sebalik peruntukan ini.

Dengan memberikan sokongan kewangan, peluang keusahawanan, dan pendidikan kepada OKU, kerajaan juga merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan Bantuan Kewangan: Meningkatkan Kuasa Beli dan Pertumbuhan Ekonomi

Peningkatan peruntukan bantuan OKU kepada RM1.3



bilion ketimbang RM1.2 bilion pada 2024 bakal memberi kesan langsung kepada ekonomi. Sebagai contoh, golongan OKU yang menerima bantuan kewangan bakal mempunyai kuasa membeli yang lebih baik. Bantuan ini akan dibelanjakan untuk barangan dan perkhidmatan asas, seterusnya menyumbang kepada permintaan dalam ekonomi domestik, terutama dalam sektor runcit dan perkhidmatan.

Apabila lebih banyak pengguna membelanjakan wang dalam ekonomi, ia merangsang aktiviti komersial. Ini merupakan prinsip asas dalam ekonomi permintaan, di mana permintaan yang meningkat akan memacu pertumbuhan perniagaan, terutamanya dalam sektor-sektor seperti runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Bagi OKU yang sering menghadapi kekangan kewangan, peningkatan bantuan ini membolehkan mereka memperbaiki kualiti hidup sambil turut sama menyumbang kepada aktiviti ekonomi secara keseluruhan.

Skim Sinar BSN: Menggalakkan Keusahawanan dan Menjana Pekerjaan

Keusahawanan merupakan salah satu cara terbaik untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi individu, termasuklah golongan OKU. Melalui peruntukan sebanyak RM50 juta bagi menayakan Skim Sinar BSN, kerajaan membuka peluang kepada OKU untuk memulakan perniagaan sendiri. Inisiatif sebegini bukan sahaja memberi impak kepada mereka yang terlibat secara langsung, tetapi juga berupaya mencipta pekerjaan baru dalam komuniti tempatan.

Perniagaan kecil dan sederhana (PKS) sering kali menjadi tulang belakang ekonomi negara, mencipta peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan. Apabila usahawan OKU berjaya memulakan perniagaan, mereka tidak hanya mampu menjana pendapatan sendiri tetapi juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

Ini mencipta kesan pengandaan, di mana ekonomi setempat berkembang kerana lebih ramai yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dan pekerjaan. Sektor-sektor yang terlibat seperti pembekalan, perkhidmatan teknologi, dan sumber manusia juga akan mendapat manfaat.

Kajian akademik sering membuktikan bahawa usahawan OKU sering kali lebih inovatif dan tahan lasak kerana mereka terbiasa mengatasi halangan. Bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa. Perniagaan yang diasaskan oleh OKU kerap kali mencari pendekatan unik untuk mengatasi cabaran dalam pasaran yang menjadikan mereka lebih fleksibel dalam menghadapi kemelesetan ekonomi. Dalam jangka masa panjang, inisiatif ini bukan sa-

haja meningkatkan taraf hidup golongan OKU, tetapi turut menyumbang kepada daya tahan ekonomi negara.

Pembinaan Sekolah Khas: Pelaburan dalam Modal Insan untuk Jangka Panjang

Pelaburan dalam pendidikan adalah pelaburan dalam masa depan sesebuah negara. Dengan peruntukan RM300 juta untuk membina sebanyak 11 Pusat Permata baharu dalam usaha melengkapkan setiap negeri dengan pusat didikan anak-anak autistik termasuklah di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Selain itu, dua sekolah baharu murid berkeperluan khas juga dibina di Tuaran, Sabah dan Johor Bahru dengan kos RM300 juta.

Justeru, kerajaan memastikan golongan ini menerima pendidikan yang disesuaikan dengan keperluan mereka. Pendidikan yang berkualiti meningkatkan kebolehpasaran seseorang individu dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kewangan dalam jangka panjang.

Pelajar OKU yang menerima pendidikan berkualiti lebih cenderung untuk menyertai tenaga kerja apabila dewasa. Mereka akan mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara. OKU berkemahiran bakal mengurangkan keperluan untuk bantuan kebajikan dan pada masa yang sama, meningkatkan produktiviti negara. Pendidikan yang inklusif seperti yang diusulkan dalam Belanjawan 2025 bakal membuka peluang kepada semua golongan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, pembinaan sekolah-sekolah khas ini turut memberi peluang pekerjaan kepada golongan pendidik, pakar tetapi, dan kakitangan sokongan.

Dengan kemasukan lebih ramai tenaga kerja dalam sektor pendidikan khas, permintaan terhadap perkhidmatan sokongan juga akan meningkat. Kesan rantaian ini secara tidak langsung mencipta peluang pekerjaan baru dalam sektor pendidikan dan perkhidmatan profesional yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Impak Ekonomi yang Melangkaui Kebajikan

Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2025 bukan sahaja memberikan manfaat kebajikan kepada golongan OKU, tetapi juga membawa kesan ekonomi yang signifikan. Peningkatan bantuan kewangan meningkatkan kuasa beli dan merangsang permintaan dalam ekonomi. Sokongan kepada keusahawanan OKU memberi peluang untuk mencipta pekerjaan baru, memperkukuh daya tahan ekonomi, dan merangsang pertumbuhan komuniti tempatan. Pelaburan dalam pendidikan khas memastikan generasi masa depan OKU dapat menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara.

Kajian oleh International Labour Organization (ILO) mendapati bahawa ekonomi yang inklusif dan melibatkan semua golongan dalam masyarakat adalah lebih stabil dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran. Dengan Belanjawan 2025, Malaysia sedang melangkah ke arah mewujudkan ekonomi yang inklusif, di mana setiap individu, termasuk OKU, diberi peluang yang sama untuk berjaya dan menyumbang kepada negara.

Namun, kejayaan inisiatif ini bergantung kepada pelaksanaan yang berkesan. Setiap peruntukan perlu disalurkan dengan telus dan cekap agar golongan sasaran menerima manfaat yang dijanjikan. Jika dilaksanakan dengan tuntas, Malaysia bukan sahaja dapat memperbaiki kehidupan golongan OKU tetapi juga memperkukuh ekonominya dengan melibatkan semua lapisan masyarakat secara aktif dalam pertumbuhan ekonomi negara.

• Penulis merupakan *Felo Penyelidik Kanan, Jabatan Kewangan Islam, Pusat Pengurusan Penyelidikan ISRA, INCEIF University.*

MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT

PERBANDINGAN BELANJAWAN 2025

	2021	2022	2023	2024	2025
Defisit Belanjawan	5.4%	5.6%	5.0%	4.3%	3.8%
Sumbangan Tunai Rahmah (STR) (Maksimum)	RM 1,800	RM 2,000	RM 3,100	RM 3,700	RM 4,600
Peruntukan Bantuan untuk Posawab dan Nelayan	RM 1.7b	RM 1.7b	RM 1.6b	RM 2.6b	RM 2.78b
Peruntukan Sektor Pendidikan	RM 50.4b	RM 52.6b	RM 55.2b	RM 58.7b	RM 64.1b
Peruntukan Bantuan Awal Persekolahan	RM 328j	RM 450j	RM 788j	RM 788j	RM 800j
Pembinaan Sekolah Baharu	11 Sek.	0 Sek.	0 Sek.	28 Sek.	44 Sek.
Peruntukan Sektor Kesihatan	RM 31.9b	RM 32.4b	RM 38.3b	RM 41.2b	RM 45.3b
Peruntukan Pembangunan Sabah & Sarawak	RM 9.6b	RM 9.18b	RM 12.1b	RM 12.4b	RM 12.6b
Peruntukan Memperkasa Syiar Islam	RM 1.4b	RM 1.5b	RM 1.5b	RM 1.9b	RM 2.0b

Aminuddin mohon bina hospital baharu di Seremban

PORT DICKSON: Kerajaan Negeri Sembilan memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan, untuk membina sebuah lagi hospital baharu di Seremban.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, pembinaan sebuah hospital yang baharu di Seremban perlu bagi menampung kesesakan pesakit di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (HTJS) yang merupakan hospital utama di negeri ini.

"Saya mohon kepada Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan supaya dibina sebuah hospital baharu di Seremban.

"HTJS sedang dinaik taraf, berlakunya pengurangan bilangan katil sebanyak 16.5 peratus ataupun 188 unit berbanding bilangan katil 1,134 unit sebelum ini disebabkan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak BOMBA," ujarnya.

Sementara itu, Aminuddin juga berharap Kementerian Kesihatan mewujudkan Klinik Pakar Kardiologi di HTJS.

"Berdasarkan rekod, Negeri Sembilan adalah antara negeri yang masih belum mempunyai perkhidmatan Kardiologi sepertimana Perlis, Melaka dan Labuan.

"Justeru itu, saya memohon kepada YB Menteri Kesihatan untuk mewujudkan Klinik Pakar Kardiologis di HTJS bagi memudahkan rakyat Negeri Sembilan mendapat-



kan perkhidmatan dari pakar," kata beliau yang juga Ahli Parlimen Port Dickson.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Kebangsaan 2024 yang diadakan dengan Pelancaran Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan dan Kempen Perangi Gula di Pantai Batu 1, Port Dickson.

Majlis dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan turut dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Dato Seri Dr.Dzulkefly Ahmad.

Majlis yang berlangsung selama tiga hari ini sudah pasti dapat membawa mesej yang sangat bermakna kepada rakyat iaitu kepentingan menjaga kesihatan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, Kerajaan Negeri turut menyediakan dua inisiatif khas berkaitan penyediaan rawatan kepada pe-

sakit.

"Sebanyak RM500,000 adalah bantuan penyediaan tapak bagi rawatan Hemodialisis dan RM500,000 diperuntukkan bagi pembelian peralatan Ortopedik.

"Komitmen Kerajaan Negeri ini membuktikan bahawa usaha penjagaan kesihatan rakyat di Negeri Sembilan adalah secara menyeluruh melalui penyediaan fasiliti kesihatan, sukan, dan termasuk insentif rawatan bagi yang memerlukan.

"Saya menyeru seluruh rakyat Negeri Sembilan untuk menjaga kesihatan dengan melakukan saringan kesihatan secara berkala dan mengamalkan gaya hidup sihat.

"Tanggungjawab menjaga kesihatan sendiri adalah tanggungjawab bersama," ulas Aminuddin.



Seorang daripada lima dewasa di Malaysia hidap diabetes

PORT DICKSON: Kecelikan kesihatan terhadap usaha mengurangkan pengambilan gula masih rendah di kalangan masyarakat jika dibandingkan dengan obesiti dan kencing manis yang tinggi dan membimbangkan.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, pendidikan kesihatan di Malaysia telah mener-

ima peruntukan kesihatan terbesar berbanding negara-negara membangun yang lain hatta keseimbangan dalam menjaga kesihatan secara rohani dan fizikal perlu dipertahankan.

"Justeru itu, saya menyeru pentingnya amalan wasatiyah (bersederhana) dan tidak membazir yang perlu diberi penekanan lebih be-

rat demi menjaga kesihatan masing-masing dengan lebih serius.

"Terkait program, saya tekankan kempen ini perlu sentiasa diteruskan dan dilaksanakan secara berkesan dengan mengambilkira statistik terkini bahawa seorang daripada lima orang dewasa di Malaysia menghidap penyakit diabetes selain penghidap penyakit

kronik lain di Malaysia adalah yang tertinggi di Asia," kata Anwar.

Anwar berkata demikian, semasa berucap merasmikan Majlis Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Kebangsaan 2024; Pelancaran Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan dan Kempen Perangi Gula di Port Dickson.

Negeri Sembilan berpotensi besar menjadi hab utama semikonduktor

SEREMBAN: Negeri Sembilan berpotensi tinggi untuk menjadi hab utama industri semikonduktor di Malaysia dengan perancangan dan gerak kerja yang komprehensif, kata Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, Negeri Sembilan mempunyai kelebihan dari segi lokasi yang strategik iaitu terletak tidak jauh dari Lembah Klang dan pintu masuk utama negara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta Pelabuhan Klang.

"Ini ditambah dengan kelengkapan infrastruktur yang menjadikan Negeri Sembilan sebagai tempat yang ideal untuk menjalankan perniagaan.

"Sebagai contoh, kita mempunyai beberapa syarikat utama dalam sektor semikonduktor yang telah lama bertapak di Negeri Sembilan seperti On Semiconductor, TDK-Lambda, Samsung, Nexperia dan banyak lagi.

"Ini membuktikan kepercayaan syarikat utama dunia dalam sektor semikonduktor untuk melabur di negara kita, khususnya di Negeri Sembilan.

"Saya berkeyakinan bahawa kita mampu menarik lebih ramai syarikat-syarikat gergasi dalam sektor semikonduktor untuk melabur di Negeri Sembilan," katanya selepas Majlis Pecah Tanah Negeri Sembilan Semiconductor Valley



(NSSV) di Sungai Gadut.

Sementara itu, Aminuddin berkata, NSSV yang juga merupakan sebahagian daripada kawasan Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0), dirangka bagi pembangunan teknologi yang memfokuskan kepada industri semikonduktor di Negeri Sembilan.

"Inisiatif pembangunan ini adalah

bagi meningkatkan penglibatan Negeri Sembilan dalam industri berkenaan seiring dengan strategi dan dasar Kerajaan Malaysia yang dirangka di bawah Strategi Semikonduktor Nasional (NSS), Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan – NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap - NETR).

"Strategi ini adalah bertepatan dengan perkembangan industri semikonduktor di Malaysia yang terus berkembang pesat pada 2024 untuk memastikan negara kekal kompetitif di peringkat global.

"Malaysia kini merupakan pengeksport semikonduktor keenam terbesar di dunia dan menguasai 13 peratus daripada pasaran global dalam perkhidmatan pembungkusan, pemasangan, dan ujian cip semikonduktor," jelas Aminuddin.

Beliau berkata, sektor ini juga dianggap penting bagi rantaian bekalan global didorong oleh peningkatan permintaan cip dan kemajuan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) yang pasti akan terus merangsang per-

tumbuhan industri semikonduktor untuk beberapa tahun yang akan datang.

"Pembangunan NSSV dilihat mampu menjadi katalis kepada pembangunan ekosistem semikonduktor yang inklusif dengan integrasi syarikat kecil dan sederhana (SME) kedalam rantaian bekalan seterusnya merangsang keseluruhan industri di Negeri Sembilan.

"Untuk itu, tidak mustahil kita akan dapat melihat lebih banyak kawasan industri semikonduktor baharu yang akan dibuka pada masa hadapan.

"Pada masa ini, NSSV telah mula menarik minat beberapa syarikat untuk melabur di kawasan ini.

"Saya yakin pembangunan NSSV mampu menawarkan prospek kerjaya yang berkualiti kepada tenaga kerja tempatan yang berkemahiran dan meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

"Ini secara tidak langsung akan memberi impak yang besar terhadap pembangunan modal insan dan ekonomi negara," ujar Aminuddin lagi.



Teo promosi Negeri Sembilan di Persidangan Perniagaan ASEAN Selangor

KUALA LUMPUR: Exco Perindustrian dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Sembilan, YB Teo Kok Seong telah menghadiri Persidangan Perniagaan ASEAN Selangor di Kuala Lumpur Convention Centre.

"Saya mewakili Kerajaan Negeri telah membentangkan peluang pelaburan di Negeri Sembilan.

"Sebagai Exco Pelaburan, semestinya saya mahu menarik seberapa banyak pelaburan ke Negeri Sembilan.

"Pada masa yang sama, saya

juga sempat bertukar pandangan dengan wakil daripada negara ASEAN," ujar Teo.

Teo berkata, persidangan selama tiga hari ini turut dihadiri oleh delegasi dari Laos, Vietnam, Indonesia, Brunei, Kemboja, Filipina dan Timor Leste.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Senator Tengku Dato' Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.



MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN PELAKSANAAN
PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MTPMA63)
BILANGAN 1 TAHUN 2024



11 tuntutan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) berjaya diselesaikan

PUTRAJAYA: Sejumlah 11 tuntutan di bawah platform rundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) telah berjaya diselesaikan setakat ini dengan kebanyakannya iaitu tujuh tuntutan, berjaya di selesaikan oleh Perdana Menteri Ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tujuh tuntutan berkenaan ialah:

- i. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan JKR Sarawak sebagai Jabatan Teknik;
- ii. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Bekalan Gas;
- iii. Pindaan Akta LHDN 1995 [Akta 533] bagi melantik wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai anggota tetap LHDN;
- iv. Pentadbiran Badan Kehakiman di Sabah dan Sarawak;
- v. Garis Panduan Khas Penyerahan Semula Tanah DiRezabkan Bagi Maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
- vi. Penyerahan Kuasa Kawal Elektrik dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- vii. Cadangan Pindaan Perkara 95B Mengenai Ubah Suaian Bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian perundangan, PP.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Fadillah Yusof berkata, di bawah Perdana Menteri Ke-8 sebelum ini, satu tuntutan berjaya diselesaikan iaitu Penyerahan Kuasa Kawal Selia Liquefied Petroleum Gas (LPG) kepada Kerajaan Negeri

Sarawak.

Di bawah Perdana Menteri Ke-9 pula tiga tuntutan berjaya diselesaikan iaitu:

- i. Penyerahan kuasa ke atas pentadbiran Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- ii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Pemberian Kuasa (Empowerment) mengenai Pelesenan dan Penangkapan Ikan Laut Dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Justeru itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) kali pertama untuk tahun 2024 diadakan di Kota Kinabalu yang dipengerusikan Anwar.

Hadir sama Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor.

"Pada mesyuarat hari ini, Perdana Menteri turut mengumumkan jumlah peruntukan interim kepada Sabah dan Sarawak dinaikkan kepada RM600 juta yang akan dilaksanakan bermula 2025.

"Peruntukan berkenaan berhubung kait dengan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan iaitu peruntukan khas untuk Sabah dan Sarawak.

"Tahun lepas jumlah peruntukan interim untuk Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM300

juta," jelas Fadillah.

Fadillah berkata, selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak di atas komitmen yang diberikan dalam perkara ini.

"Kerajaan Madani sentiasa komited untuk memastikan tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia (MA63) ini diselesaikan dengan segera demi kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

"Mesyuarat MTPMA63 ini amat penting bagi membolehkan kerajaan merencana tindakan-tindakan susulan yang pragmatik berhubung status tuntutan di bawah MA63 yang masih belum selesai dilaksanakan.

"Atas komitmen itu juga, kita telah memutuskan untuk menambah baik struktur platform perundingan antara ketiga-tiga peringkat kerajaan dengan memperkukuhkannya melalui pelantikan keahlian baharu dalam platform MTPMA63," ulas beliau.

Fadillah menambah, secara umumnya, terdapat empat pembentangan yang telah disampaikan dalam Mesyuarat MTPMA63:

- i. Pelaporan Status Terkini Kemajuan Tuntutan di Bawah Perjanjian Malaysia (MA63);
- ii. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
- iii. Perwakilan Kuasa Kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak untuk Melantik Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar bagi mengisi kekosongan dan pemangkuhan; dan
- iv. Obligasi Kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan Duti Setem Dikenakan Ke Atas Instrumen Pemindahan, Caj, Menyewakan Tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah Dan Sarawak.

"Perkara/tuntutan lain berkaitan MA63 yang masih belum selesai akan terus dibincang dan dipantau dalam platform rundingan yang lain iaitu Jawatankuasa Teknikal yang saya pengerusikan dan beberapa Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan di peringkat kementerian/agensi berkaitan bagi memastikan tuntutan yang masih belum selesai tersebut diambil tindakan sewajarnya," ujar Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air.





Al-Falah Pemacu Malaysia Madani

SEREMBAN: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud telah berkenan mencemar duli berangkat ke Perarakan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sembilan 1446 Hijrah bersamaan 2024 Masihi di Seremban.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, menepati tema Maulidur

Rasul pada tahun ini "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani", kita perlu mendoakan pasukan kepimpinan negara dan negeri ini berjaya membina jiwa rakyat yang merdeka, cerdas, bermaruah, berilmu, beriman dan bertaqwa yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri Al-Falah.

"Menerusi konsep Al-Falah, kita seharusnya menerajui pembinaan watak bangsa berkualiti yang pelbagai dalam bingkai kesatuan dengan meninggikan martabat kemanusiaan (Human Dignity atau

Karamah Insaniyyah) dalam kehidupan bernegara," kata Aminuddin.

Menurut Aminuddin, perarakan tahun ini disertai oleh 70 kontinjen melibatkan lebih kurang 5,000 peserta daripada segenap lapisan masyarakat.

"Selain agensi kerajaan, badan swasta, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta sekolah, masyarakat bersama keluarga dan golongan kurang upaya (OKU)

turut sama memeriahkan perarakan Maulidur Rasul pada tahun ini.

"Lebih menarik bagi perarakan tahun ini salah satu kontinjen terdiri daripada masyarakat orang Asli Negeri Sembilan juga bersama-sama kita dalam majlis pada hari ini.

"Semoga Allah SWT mencurahkan rahmat bahagia dan melimpahkan kurnia-Nya kepada negeri ini serta dijauhkan daripada segala mara bahaya, Insha-Allah," kata Aminuddin.

Manfaatkan kepakaran penyelidikan bagi mencapai keterjaminan makanan yang mapan



PUTRAJAYA: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu telah mengadakan perbincangan konstruktif bersama pakar-pakar universiti bagi membincangkan cadangan kerjasama Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, yang akan menyokong peningkatan kapasiti dan penyelidikan analisis polisi dalam sektor pertanian.

Beliau berkata, kerjasama dengan institusi akademik akan membolehkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memanfaatkan kepakaran dan sumber penyelidikan yang ada, sekaligus meningkatkan kualiti dan ketepatan data dalam pembuatan

polisi.

"Ini adalah penting bagi memastikan dasar yang dilaksanakan adalah relevan dan memberi impak positif kepada sektor pertanian serta kesejahteraan rakyat.

"Perbincangan ini juga merangkumi pengenalan program latihan dan pembangunan kapasiti bagi pegawai kerajaan dalam analisis polisi dan penyelidikan.

"Setiap dasar yang diperkenalkan mestilah berpandukan kepada analisis yang mendalam dan tepat, seterusnya menyokong matlamat jangka panjang negara dalam mencapai keterjaminan makanan yang mapan," jelas Mohamad.

Koperasi aktif dalam sektor pelancongan satu pembaharuan -Veerapan



JELEBU: Sejak beberapa minggu lalu, Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, Veerapan Superamaniam telah mengadakan Program Eksplorasi Perniagaan Koperasi Negeri Sembilan mengikut daerah bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sembilan dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Veerapan berkata, perjalanan koperasi tidak semestinya tertumpu kepada penjualan barangan semata-mata tetapi boleh menjalankan perniagaan atau perkhidmatan dalam sektor pelancongan.

"Kali ini saya telah ke daerah Jelebu bagi melihat sendiri perniagaan Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad.

"Aktiviti eksplorasi ini bermula dengan aktiviti Geo Pelancongan iaitu lawatan ke Gua Pelangi yang melibatkan sesi briefing Geo Trail Gua Pasoh, demo hidup api menggunakan batu terlerang kuarza, demo memasak ayam dalam buluh dan ayam wild ginger serta lawatan ke tapak arkeologi Gua Pelangi dan Geo Trail Gua Tirai.

"Aktiviti ini cukup bermakna dan memberi pendedahan mengenai tapak arkeologi serta gua.

"Saya melihat sektor pelancongan mempunyai potensi menjana pendapatan kepada koperasi di Negeri Sembilan," ujar Veerapan.

Program ini turut dihadiri wakil Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNS).

Kerajaan Perpaduan menawarkan kestabilan politik

KLAWANG: Kerajaan Perpaduan yang diterajui oleh Pakatan Harapan dan Barisan Nasional menawarkan kestabilan politik.

Ahli Dewan Undangan Negeri Klawang, Dato' Ir. Bakri Sawir berkata, rakyat bijak menilai, dengan memilih agenda reform dan tatakelola yang ditawarkan oleh Kerajaan Perpaduan, berbanding mainan hasutan sentimen.

"Ini dapat dilihat dalam 'trend' beberapa siri PRK.

"Jelas rakyat telah menolak sentimen yang mungkin pada awalnya ada gelombang, tapi itu di pantai timur.

"Saya mengajak orang Jelebu agar bersama-sama dengan kita, dalam program-program yang dirangka pada masa akan datang, sekaligus abaikan provokasi kumpulan yang bermain dengan hasutan," kata Bakri.

Bakri berkata demikian kepada Negeri Kita di program sumbangan bakul makanan dan kewangan bagi golongan asnaf dan pesakit terlantar JPCK Kampung Chenor Jelin.

Program ini anjuran bersama JPCK Chenor, Pusat Khidmat Rakyat DUN Klawang dan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Jelebu.



Oracle bakal labur RM27 bilion di Malaysia



KUALA LUMPUR: Syarikat teknologi komputer terkemuka dunia, merancang untuk melabur sebanyak AS\$6.5 billion (RM27.053 bilion) bagi mewujudkan wilayah awan awam (public cloud center) di Malaysia supaya dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan kecerdasan buatan (AI) dan awannya.

Dalam kenyataan pihak Oracle, wilayah awan yang bakal diwujudkan itu akan membolehkan pelanggan dan rakan kongsinya di Malaysia memanfaatkan infrastruktur serta perkhidmatan AI dengan memindahkan beban kerja yang penting kepada 'Oracle Cloud Infrastructure' (OCI).

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Dato' Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, pelaburan AS\$6.5 billion oleh pihak Oracle di Malaysia amatlah dialu-alukan.

"Ini kerana secara tidak langsung ia akan memperkasakan entiti Malaysia terutamanya perusahaan kecil dan

sedehana dengan AI dan teknologi awan yang inovatif dan termaju untuk meningkatkan daya saing global mereka.

"Keputusan yang dilakukan oleh mereka ini juga menekankan ketersediaan infrastruktur Malaysia dan kedudukan negara yang semakin kukuh sebagai destinasi utama Asia Tenggara bagi pelaburan digital," kata Tengku Zafrul.

Dalam pada itu, Naib Presiden Eksekutif Oracle, Garrett Tlg berkata, Malaysia menawarkan peluang pertumbuhan unik untuk organisasi yang ingin mempercepat pengembangan masing-masing dengan teknologi digital terkini.

Pelaburan berbilion dolar kami mengesahkan komitmen Oracle kepada Malaysia sebagai pintu masuk serantau untuk infrastruktur awan serta set lengkap penggunaan SaaS (perisian sebagai satu perkhidmatan) yang digunakan di Malaysia," kata Garrett.

Negeri Sembilan siasat sekolah persendirian agama tidak berdaftar dengan JAINS



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) sedang menjalankan siasatan ke atas sekolah-sekolah persendirian agama yang tidak berdaftar dengan JAINS.

"Penguatkuasa JAINS telah mengenalpasti dan kita akan teruskan siasatan tersebut.

"Kita akan maklumkan hasil

siasatan tersebut tidak lama lagi.

"Apa-apa pelanggaran berkaitan undang-undang sivil, pihak polis akan jalankan siasatan.

"Kita di peringkat Kerajaan Negeri menerusi JAINS akan jalankan siasatan terhadap sekolah yang tidak berdaftar dengan JAINS.



Terowong pejalan kaki Stesen Keretapi Seremban ke Terminal 1 kini berwajah baharu

SEREMBAN: Terowong pejalan kaki dari Stesen Keretapi Seremban ke Stesen Bas Terminal 1, kini berwajah baharu dan perasmiannya telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar berkata, inisiatif ini dijayakan oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC) melalui CSR mereka dengan sentuhan kreatif oleh Think City dan disokong oleh Majlis Bandaraya Seremban dan KTM.

Selain daripada kerja-kerja menaiktaraf laluan pejalan kaki untuk menghubungkan dua stesen utama mod pengangkutan di Bandar Seremban; pembinaan dua arca, iaitu Arca Railman dan Arca Messenger akan menjadi tarikan utama disini.

"Arca Railman dan Messenger ini merupakan satu inisiatif seni awam yang direka untuk meraikan warisan keretapi di Malaysia.

"Diperbuat daripada peralatan semboyan yang digunakan dalam operasi kereta api dan disusun agar menyerupai bentuk manusia abstrak, arca ini adalah sebagai tanda penghormatan kepada semua kakitangan kereta api yang telah berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan sektor kereta api di negara ini sejak perkhidmatan rel diperkenalkan sebagai mod pengangkutan," ujar Arul

Kumar.

Menurut Arul Kumar, Arca Railman dan Arca Messenger ini diletakkan berhadapan antara satu sama lain di seberang Jalan Sungai Ujong.

"Kedua-dua arca ini kelihatan seolah-olah sedang bertegur sapa pada waktu tertentu menerusi pemasangan lampu dan isyarat boleh bergerak yang telah diselarasakan dengan jadual ketibaan kereta api di Stesen Keretapi Seremban.


"Lengan yang boleh bergerak pada Arca Messenger adalah penyesuaian kepada beg kunci token berbentuk gelung dalam sistem isyarat kereta api.

"Sistem ini telah digunakan pada landasan dua hala kerana risiko pertembungan dua buah kereta api yang lebih tinggi.

"Pemandu kereta api perlu mengambil token daripada Stesen Master sebelum memasuki bahagian tertentu dari landasan tunggal.

"Pertukaran token ini berlaku ketika kereta api masih bergerak laju," jelas Arul Kumar.

Arul Kumar menambah, usaha menegenahkan inisiatif seni awam melalui pembinaan arca-arca ini dapat mengimbau dan mengingati nostalgia kereta api yang terindah.



Budayakan pemikiran kreatif dan inovatif penjawat awam

SEREMBAN: Penjawat awam perlu dibudayakan dengan pemikiran kreatif dan inovatif bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

Justeru itu, kata Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun, Kerajaan Negeri telah mengadakan Minggu Inovasi Negeri Sembilan 2024 dan Program Bicara Inovasi telah menerima penyertaan seramai 253 orang.

"Apa yang lebih menarik, program ini memberi fokus kepada aplikasi penggunaan AI yang merupakan aplikasi terkini dan terkenal di seluruh dunia.

"Pembudayaan 'inovasi' seperti ini akan memberikan kesan positif kepada perkhidmatan kerajaan untuk rakyat pada masa akan datang kerana mereka telah didedahkan dengan kemahiran yang selari dengan perubahan teknologi semasa.

"Seperti mana yang selalu sebut oleh Perdana Menteri berkaitan dengan penguasaan Teknologi Digital yang telah menjadi teknologi utama dunia hari ini.

"Saya mahu seluruh kakitangan awam Negeri Sembilan agar mengambil peluang ini dalam memastikan mutu perkhidmatan kerajaan bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan lancar tetapi seiring den-



gan perkembangan teknologi semasa yang akan memudahkan rakyat negeri ini," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian pada ucapan perasmian Majlis Apresiasi Hari Kebangsaan dan Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024 di Royale Chulan, Seremban.

Untuk makluman, anugerah inovasi terbahagi kepada dua kategori iaitu Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Inovasi Negeri Sembilan (AIN9).

Kedua-dua kategori ini dijadikan sebagai platform kepada penjawat awam untuk mempersembahkan

hasil inovasi jabatan mereka.

Bagi Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), 18 penyertaan telah diterima pada tahun ini manakala Anugerah Inovasi Negeri Sembilan (AIN9) telah menerima 13 penyertaan dan yang terbaik akan meneruskan langkah ke pertandingan inovasi di peringkat Kebangsaan.

Persaingan sihat ini seharusnya menjadi program yang ditunggu-tunggu oleh semua penjawat awam sebagai platform untuk menempatkan diri di peringkat kebangsaan," ujar Aminuddin.



Bukan sahaja 'clean up day', tapi 'clean up' hati juga

SEREMBAN: 'World Clean Up Day' bukan sahaja hanya membersihkan sampah, tetapi perlu 'clean up' hati kita juga.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, setiap hari kita ke masjid mendengar ceramah tentang kebersihan.

"Malahan, di dalam Islam juga turut menitikberatkan soal kebersihan, tetapi kita masih tiada rasa tanggungjawab mengenai perkara itu.

"Kita masih buang sampah di tempat yang tidak sepatutnya.

"Jika perkara ini pun tiada kesedaran, bagaimana dengan iman kita," ujar beliau.

Justeru itu, Aminuddin menyeru kepada orang ramai supaya buang sampah di tempat yang betul.

"Terutamanya mereka yang merokok, buang puntung rokok tersebut di luar kereta.

"Kenapa tidak dibuang di dalam kereta?

"Lepas minum air, terus campak sahaja keluar kereta.

"Ini menunjukkan kita masih gagal mendidik masyarakat tentang menjaga kebersihan.

"Justeru itu, ia menjadi tanggungjawab kita di sekolah, masjid dan pelbagai lagi untuk sentiasa menekankan soal kebersihan dalam diri masyarakat," kata Aminuddin yang juga Ahli Parlimen Port Dickson.

Aminuddin berkata demikian di Hari Cuci Malaysia 2024: Program Pembersihan Mega Peringkat Negeri Sembilan (World Clean Up Day 2024) di Taman Sri Mawar, Senawang.



PMX pacu pengukuhan ringgit



DR. MOHD FAUZI FADZIL
Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan
Maja Delta Malaysia

SELURUH rakyat Malaysia berbangga dengan prestasi Ringgit Malaysia apabila Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan bahawa matawang tersebut kini merupakan antara mata wang yang sedang menunjukkan prestasi terbaik pada peringkat global.

Kini Ringgit Malaysia muncul sebagai mata wang berprestasi terbaik di rantau Asia berbanding dolar US dengan menyaksikan prestasi matawang Malaysia kini mendahului negara rakan seperti Singapura, China, Korea Selatan, Jepun dan India.

Pada peringkat awal pemerintahan Kerajaan Madani yang diterajui oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim (PMX) berhadapan dengan kritikan kerana membiarkan prestasi ringgit Malaysia jatuh ke paras paling buruk iaitu RM 4.735 berbanding dolar AS pada 19 Oktober 2023, prestasi tersebut merupakan paras penutup paling rendah sejak 1998.

Ketika Ringgit Malaysia berhadapan dengan prestasi



buruk, pembangkang terutamanya menyalahkan keputusan PMX untuk memegang portfolio Menteri Kewangan dalam Kerajaan Madani sebagai sebab kejatuhan ringgit Malaysia.

Namun dakwaan tersebut disangkal oleh PMX memandangkan pada tahun 2023 ekonomi dunia ditekan oleh ketidakpastian ekonomi global, seperti isu siling hutang di Amerika Syarikat (AS) dan tekanan pada kedua-dua sektor perbankan AS dan Eropah.

Pentadbiran PMX pada tahun 2023 ditohmah kononnya telah kehilangan keyakinan daripada pelabur menyebabkan ringgit Malaysia menjadi lemah.

Dakwaan tersebut telah dijawab penuh berhemah oleh PMX dengan menyatakan Malaysia pada tahun 2023 mencatat rekod pelaburan terbesar dalam sejarah, kadar inflasi terus menurun dan kadar pengangguran turut berkurangan.

Keadaan tersebut menunjukkan bahawa pelabur masih mempunyai keyakinan terhadap ekonomi Malaysia pada tahun 2023 dan disebabkan itu jumlah pelaburan paling tinggi direkodkan dalam sejarah negara.

Namun pembangkang pada ketika itu cuba untuk mengelirukan rakyat dengan menyamakan prestasi kewangan kendalian Kerajaan Madani dengan krisis kewangan pada tahun 1998 atas dasar nilai ringgit yang merosot berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Menjelang tahun 2024 keadaan ringgit Malaysia mencatatkan peningkatan prestasi yang positif, kenyataan ini disokong oleh laporan oleh BMI Country Risk & Industry Research (BMI), unit Fitch Solutions yang menyemak naik unjuran ringgit bagi akhir 2024 kepada RM 4.00 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Pengukuhan prestasi Ring-

git Malaysia ini perlu diakui sebagai sumbangan daripada PMX, usaha berterusan beliau untuk mempromosi Malaysia untuk dijadikan destinasi pelaburan telah membantu kemasukan pelaburan asing yang meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Keberanian PMX untuk melaksanakan dasar tidak popular seperti penyasaran subsidi ayam, tarif elektrik dan subsidi diesel turut membantu memperkukuhkan prestasi Ringgit Malaysia.

Isu penyasaran subsidi terutama melibatkan diesel telah dibincangkan semenjak zaman pemerintahan Dato' Seri Najib Razak, namun hanya PMX mempunyai keberanian untuk melaksanakan dasar tersebut.

Keberanian PMX melaksanakan dasar yang tidak popular menyebabkan masyarakat dunia mengiktiraf Kerajaan Madani sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan bersedia mengambil tindakan tidak popular untuk menyelamatkan ekonomi negara.

Keadaan tersebut kemudian membantu meningkatkan keyakinan pelabur untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan mereka, hasilnya ia membawa kepada

pengukuhan ringgit Malaysia seperti yang dilihat pada hari ini.

Walau kini wujud kritikan dan keraguan yang dilemparkan terhadap PMX kerana lewat melakukan pembaharuan dan juga berkompromi dengan kumpulan konservatif yang tidak mengundi beliau pada pilihan raya umum lepas, namun prestasi Ringgit Malaysia pada hari ini menjadi penanda aras bahawa Malaysia berada dilandasan yang betul.

Malah pada ketika ini, prestasi Ringgit Malaysia yang kukuh tidak langsung dilihat tergugat dengan dasar kenaikan atau penurunan kadar faedah di Amerika Syarikat mahu pun masalah ekonomi China.

Justeru itu, semua pihak perlu bermuhasabah dan cuba berterima kasih atas kerja keras PMX yang cuba mengembalikan Malaysia untuk menjadi Harimau Asia seperti yang pernah diimpikan suatu ketika dahulu.

Demi mencapai hasrat dan cita-cita tersebut, masa yang mencukupi perlu diberikan kepada PMX untuk menerajui Malaysia melalui mandat yang kukuh kepada beliau menjelang Pilihanraya Umum ke-16 nanti.

Dua figura pembentuk naratif 'Negeri Perpaduan'



SARFARIZMAL MD SAAD
Penganalisis Politik

NEGERI Sembilan, atau jolokan terbaru kepadanya iaitu 'Negeri Perpaduan' benar-benar menjadi suatu negeri contoh bagaimana persaudaraan terbina antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

Walaupun pada awalnya, Kerajaan Perpaduan ini mendapat tentangan daripada ahli-ahli akar umbi dari BN, khususnya UMNO.

Alasan terbesar ketidakselesaan kerjasama ini adalah kerana kewujudan DAP dalam kerajaan ini.

Umum mengetahui, sejak berpuhuluh tahun lamanya ahli-ahli UMNO dimomokkan dengan pelbagai perilaku tidak senonoh oleh pemimpin DAP sehingga ia telah menjadi 'darah daging' dalam diri pemegang kad keahlian UMNO di negara kita, termasuklah di Negeri Sembilan.

Namun kredit wajar diberikan kepada kepimpinan UMNO Negeri Sembilan dan PH Negeri Sembilan kerana mas-



ing-masing telah memainkan peranan tersendiri dalam memberi pencerahan dan penjelasan kepada ahli akar umbi parti masing-masing.

Selain daripada kaedah pencerahan melalui organisasi kepartian, kita harus akui juga bagaimana kecerdikan kepimpinan yang tertib dan beradab telah digerakkan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Exco Kanan Negeri Sembilan agar tiada sebarang cacat cela yang menguriskan sensitiviti mana-mana ahli parti politik di negeri ini.

Mereka berdua telah memainkan peranan yang cukup besar bagi membawa cerminan sebenar bahawa Negeri Sembilan ini adalah 'Negeri Perpaduan'.

Impaknya, setelah usia Negeri Perpaduan menjengah satu tahun, maka masyarakat akar umbi sudah mula merasakan kemanisan melalui kerjasama yang dibentuk sejak Pilihan Raya Negeri ke-15 pada Ogos 2023 yang lalu.

Tidak begitu keterlaluan jika kita sebutkan bahawa keharmonian politik

di Negeri Sembilan ini boleh dijadikan contoh terbaik kepada negeri-negeri lain yang ada di dalam negara kita.

Istilah 'Negeri Perpaduan' yang sebenar telah dinatijahkan oleh kecerdikan kedua-dua pemimpin utama parti ini, dengan didarab kemas oleh sembilan orang Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang lain dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang lain.

Lima ahli dewan yang mewakili parti pembangkang di Negeri Sembilan juga harus mengakui dan menyedari bahawa keharmonian yang telah wujud antara BN dan PH di negeri ini

merupakan suatu senario politik terbaik dan bersifat terhadapan dalam sejarah politik tanah air negara, terutama politik negeri ini.

Yang lebih penting bagi kita semua adalah Negeri Perpaduan yang terbentuk sekarang ini haruslah dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di Negeri Sembilan dan diterjemahkan melalui pegangan prinsip perpaduan yang sebenar antara bangsa, agama, keturunan dan etnik.

Jauhi fitnah Qazaf dan hargai kepemimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim



DATO' USTAZ JAAFAR MUHAMMAD
Perasahat Agama
YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

MASIH terdapat mereka yang bergelumang dengan fitnah yang membuat tuduhan liwat ke atas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Fitnah yang menzahirkan kejahatan, hasad dengki, kekeliruan akal, gelap hati, jiwa yang kotor, busuk dan berpenyakit.

Sedangkan Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan tokoh gerakan Islam yang telah meninggalkan jejak yang mendalam dalam sejarah politik dan kebangkitan Islam di Malaysia.

Melalui penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), beliau menjadi pemimpin yang memacu gelombang kebangkitan Islam melalui pendekatan yang menyeluruh, menghayati Islam sebagai cara hidup yang syumul.

ABIM di bawah pimpinannya bukan sahaja fokus kepada pembangunan rohani dan intelektual, tetapi juga memainkan peranan penting dalam isu-isu sosial dan politik negara.

Anwar adalah pemuda yang dididik dengan keyakinan terhadap Allah, mengharungi pelbagai ujian dan cabaran dalam mempertahankan prinsip keadilan dan martabat kemanusiaan.

Salah satu tribulasi terbesar yang ditempuhnya ialah ketika beliau dipenjarakan selama 22 bulan kerana memperjuangkan nasib rakyat miskin dalam 'Peristiwa Baling'.

Ini menonjolkan keprihatinan dan komitmen beliau dalam membela golongan tertindas, meskipun terpaksa mengorbankan kebebasannya sendiri.

Namun, kemuncak dugaan dalam hidup beliau berlaku apabila dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Tun Dr.Mahathir.

Tuduhan liwat yang dikenakan terhadapnya dengan Azizan Abu Bakar menjadi detik hitam dalam kerjaya politik beliau.

Walaupun Mahkamah Persekutuan akhirnya memutuskan bahawa Anwar Ibrahim tidak bersalah, fitnah tersebut masih menghantui dan sebahagian masyarakat yang



tidak tahu fakta sebenar terus mempercayai tuduhan tersebut.

Apabila tuduhan liwat tidak dapat disabitkan, Anwar dituduh pula dengan pertuduhan salah guna kuasa.

Bukannya salah guna kuasa mengumpul kekayaan atau menagihkan harta negara kepada kroni, sebaliknya tuduhan ialah salahguna kuasa dengan mengarahkan dua orang pegawai kanan Polis Cawangan Khas untuk mendapatkan pengakuan bertulis daripada Azizan Abu Bakar dan Umi Hafilda Ali bagi menafikan dakwaan mereka tentang salahlaku seks dan liwat dalam beberapa dokumen sebelum itu.

Akibat pertuduhan ini Anwar merengkok dalam penjara selama enam tahun.

Sabitkan itu dibatalkan oleh Mahkamah Agung Malaysia dan Anwar

akhirnya dibebaskan dari kurungan pada 2 September 2004.

Tahun 2008 sekali lagi usaha jijik menghalang Anwar untuk aktif berpolitik iaitu dengan pertuduhan liwat ke atas Saiful Bukhari Azlan.

Walaupun Mahkamah Tinggi telah memutuskan Anwar tidak bersalah dan dibebaskan; namun, bagi menghalang Anwar bertanding DUN Kajang, Mahkamah Rayuan tetap mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara selama lima tahun.

Keputusan ini telah mendapat kritikan badan perundangan dunia yang memantau perjalanan kes.

Selepas menjalani penjara selama tiga tahun tiga bulan, tahun 2018 Anwar dapat Pengampunan DiRaja.

Pengampunan tersebut bukanlah tanda bahawa Anwar mengakui kesalahan, tetapi merupakan jalan terakhir untuk mengatasi penjara yang

terhasil daripada konspirasi dan fitnah politik.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, ketika itu telah memberikan pengampunan penuh tanpa syarat, menegaskan bahawa berlaku ketidakadilan yang serius (miscarriage of justice).

Semua rekod mengenai pertuduhan, sabitan, dan hukuman telah dibersihkan sepenuhnya.

Fitnah dan konspirasi terhadap Anwar juga dibuktikan dalam kes 'Anwar Ibrahim v. Abdul Khalid Jafri & Anor (1998)'.

Saman fitnah Anwar ke atas Khalid Jafri, penerbitan buku '50 dalil kenapa Anwar tidak boleh jadi PM', di mana Hakim Mohd Hishamuddin Mohd Yunus pada tahun 2005 memutuskan bahawa defendan (Khalid Jafri) dan pihak-pihak yang bersekongkol dengan mereka telah mencapai matlamat mereka, iaitu menghancurkan kerjaya politik Anwar melalui penerbitan fitnah.

Akibatnya, Anwar diberikan pampasan RM4 juta untuk gantirugi fitnah dan RM500,000 untuk gantirugi konspirasi.

Kepimpinan Anwar Ibrahim tidak sekadar menumpu kepada politik semata-mata, tetapi juga membawa elemen moral dan spiritual yang tinggi dalam usaha memperjuangkan keadilan.

Masyarakat Malaysia seharusnya merasa bertuah dengan adanya pemimpin yang komited kepada prinsip keadilan dan kebenaran seperti beliau, yang terus berdiri teguh walaupun dihimpit oleh pelbagai cabaran dan fitnah sepanjang karier politiknya.

Anwar Ibrahim tidak hanya seorang ahli politik, tetapi seorang pejuang keadilan dan martabat manusia yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara dan umat Islam di Malaysia.

Sekadar peringatan kepada masyarakat Islam jauhi jenayah qazaf yang akan merosakkan kehidupan dunia dan akhirat.

Menurut Dr.Taha Jabir al-Alwani, qazaf adalah satu-satunya jenayah dalam Islam yang dikenakan tiga jenis hukuman serentak – hukuman fizikal, sosial, dan agama.

Ini menunjukkan betapa seriusnya kesalahan qazaf dalam menjaga kehormatan dan maruah seseorang.

Allah tinggikan martabat Dato' Seri Anwar Ibrahim.



Orang Klawang dapat dekoder siaran MyTV percuma



Beberapa penduduk yang kurang berkemampuan di DUN Klawang menerima dekoder MyTV (Siaran TV satelit) secara percuma.

ADUN Klawang, Dato' Ir. Bakri Sawir berkata, adalah diharapkan pemberian dekoder percuma ini memberi manfaat kepada penerima terutamanya dari segi komunikasi berkesan dan dasar daripada Kerajaan.

Bakri berkata demikian selepas menyertai lawatan ke Stesen Pemancar Gunung Telapak Buruk, Jelebu bagi mendengar sendiri penerangan dari pihak MyTV, RTM, Telekom Malaysia dan MCMC tentang siaran tv dan radio melalui MyTV.

Stesen ini diklasifikasikan sebagai salah satu daripada lokasi sasaran penting untuk liputan MyTV.



Pesakit uzur terima sumbangan katil mudah alih daripada Mohd Razi



ADUN Sungai Lui, Mohd Razi Mohd Ali telah menyerahkan sumbangan katil mudah alih (katil hospital) kepada seorang pesakit yang keuzuran.

"Saya telah menyumbang sebuah katil mudah alih kepada Encik Muidin Leman di Kampung Felda Lui

Muda.

"Semoga Encik Muidin kembali sembuh seperti sediakala dan diharapkan sumbangan katil ini dapat membantu melancarkan rutin harian beliau," ujarnya.

Turut hadir, kepimpinan JPKK Kampung Felda Lui Muda.

Cha sumbang 10 unit pendingin hawa kepada SMK S2



Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2 (SMK S2) menerima peruntukan RM36,700 daripada **Ahli Parlimen Rasah**, Cha Kee Chin.

"Sumbangan ini adalah untuk pembekalan 10 unit pendingin hawa 2.5HP melibatkan jenis 'wall type' dan 'ceiling type'.

"Ia menelan belanja RM36,700 dan dibiayai sepenuhnya di bawah Peruntukan Ahli Parlimen Rasah tahun 2024.

hun 2024.

"Semoga pemasangan pendingin hawa ini memberi keselesaan kepada pelajar dan guru di SMK S2.

"Ini adalah kali pertama SMK S2 mendapatkan peruntukan Ahli Parlimen Rasah sejak tahun 2018.

Harapan saya agar tahun ini menjadi permulaan kepada satu hubungan baik antara SMK S2 dengan saya selaku Ahli Parlimen tempatan," kata Cha.

Tindakan atasi masalah banjir di Kampung Baru Sirusa sedang diambil



Tindakan bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kampung Baru Sirusa sedang diambil.

ADUN Angkat DUN Bagan Pinang, Dato' Mohd Faizal Ramli berkata, beliau bersama Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Port Dickson dan Pengerusi JPKK Kampung Baru Sirusa telah meninjau beberapa lokasi sungai di kampung tersebut untuk dibaik pulih berikutan kekerapan berlaku banjir kilat sejak kebelakangan ini.

"Selain daripada faktor kadar hu-

jan yang turun tinggi dari biasa, namun ada juga faktor lain seperti pembangunan kawasan sekitar.

"JPS telah pun mengambil tindakan memohon peruntukan tambahan untuk kerja-kerja baik pulih tebing sungai.

"Harap permohonan peruntukan ini mendapat kelulusan segera, agar projek bagi mengurangkan risiko banjir pada masa akan datang dapat dilaksanakan segera," kata Mohd Faizal yang juga ADUN Linggi.

397 individu terima sumbangan berjumlah RM209,000



Ahli Parlimen Jelevu, Dato' Seri Jalaluddin Alias telah menyerahkan sumbangan kewangan kepada 397 individu dari sekitar parlimen Jelevu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM209,000.

"Saya telah menyampaikan sumbangan Anugerah Kecemerlangan STPM dan SPM 2023 kepada 325 penerima dari seluruh Parlimen Jelevu.

"Saya berharap sumbangan ini akan menjadi pembakar semangat kepada anak-anak saya agar lebih cemerlang apabila melanjutkan pengajian di institut pengajian ting-

gi nanti.

"Dalam pada itu, saya juga telah menyerahkan Bantuan Fokus Kesejahteraan Rakyat Jelevu kepada 72 individu kurang berkemampuan.

"Bantuan ini diberikan termasuk kepada pesakit kronik, orang kurang upaya dan mereka yang memerlukan bantuan kewangan atas sebab-sebab tertentu.

"Secara keseluruhannya seramai 397 penerima mendapat manfaat daripada bantuan yang disalurkan," kata Jalaluddin yang juga ADUN Pertang.

Liputan telekomunikasi di DUN Chembong akan dinaik taraf



ADUN Chembong, Dato' Zaifulbahri Idris telah menghadiri Sesi Perbincangan Hala Tuju Aduan Liputan dan Perkhidmatan Telekomunikasi DUN Chembong.

"Sesi ini diadakan bagi membincangkan aduan liputan talian telekomunikasi di DUN Chembong.

"Ini termasuk perancangan pada masa hadapan dan apabila talian telekomunikasi dinaik taraf, ia akan memberi kemudahan kepada penduduk DUN Chembong.

"Talian komunikasi terutamanya jalur lebar sangat perlu pada masa kini dan akan datang kerana hampir semua transaksi melibatkan pembayaran atau kewangan memerlukan talian dan liputan telekomunikasi yang stabil," kata Zaifulbahri.

Sementara itu, Exco Warisan, Te-

knologi, Inovasi dan Digital Negeri Sembilan, Dato' Mohd Faizal Ramli memberi taklimat berkaitan aduan liputan, perkhidmatan dan perancangan naik taraf telekomunikasi di DUN Chembong kepada Zaifulbahri dan keseluruhan kepimpinan UMNO, JPKK, KRT serta kepimpinan masyarakat dalam DUN Chembong.



Surau Taman Desa Permai telah dinaik taraf bagi keselesaan jemaah



Surau Taman Desa Permai telah dinaik taraf bagi keselesaan jemaah surau di kampung tersebut.

ADUN Sri Tanjung, Dr. G. Rajasekaran berkata, kerja-kerja menyimen lantai dan membaiki pulih bumbung surau telah siap sepenuhnya.

"Kerja-kerja menyimen lantai dan membaiki pulih bumbung surau ini merupakan salah satu usaha saya dalam memastikan infrastruktur di

kawasan-kawasan tumpuan masyarakat, khususnya rumah ibadat, terus diselenggara dengan baik untuk kemudahan penduduk.

"Projek ini akan memberi manfaat kepada penduduk Desa Permai yang menggunakan surau ini untuk pelbagai aktiviti keagamaan dan komuniti.

"Saya juga berharap kemudahan di surau ini dipastikan sentiasa bersih agar memberi ruang yang lebih selesa untuk penduduk mengadakan aktiviti," kata Rajasekaran selepas mengadakan lawatan ke surau tersebut dan beliau juga menyantuni ahli jawatankuasa surau semasa lawatan kerja tersebut.

Rajasekaran berkata, sebelum ini ruang makan dan minum surau tersebut tidak bersimen, meja dan kerusi diletakkan atas permukaan tanah.

Permasalahan bekalan air di Seri Menanti akan ditangani



ADUN Seri Menanti, Muhammad Sufian Maradzi telah mengadakan perbincangan dua hala bersama Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Ir. Mohd Yazid Ahmad dan pegawai-pegawai SAINS di Pejabat SAINS, Seremban.

"Perjumpaan ini membincangkan secara menyeluruh berkaitan

sumber air yang melibatkan kawasan dalam DUN Seri Menanti.

"Cadangan penambahbaikan sistem perpaipan telah dibincangkan dan menunggu peruntukkan untuk kerja-kerja dilaksanakan.

"Inshaa Allah bagi perancangan masa depan, permasalahan air di DUN Seri Menanti akan ditangani," ujar Muhammad Sufian.

Tindakan segera diambil bagi mengurangkan risiko pencemaran

Pencemaran yang berlaku di kawasan Taman Semarak, Nilai disebabkan oleh terdapat banyak kawasan perindustrian di sekitar.

Justeru itu, **ADUN Nilai**, J.Arul Kumar bersama wakil penduduk Taman Semarak telah mengadakan perjumpaan dengan pihak pengurusan dua buah kilang yang berkaitan bagi mengurangkan risiko pencemaran daripada kedua-dua kilang tersebut.

"Beberapa tindakan segera diambil dalam tempoh tiga bulan ini dan satu kajian yang lebih terperinci seperti diarahkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS) dan ia akan mengambil masa yang lebih panjang iaitu selama enam bulan ke 12 bulan.

"Kedua-dua kilang juga memberikan



komitmen dalam menyelesaikan masalah, jika ia berpunca daripada mereka dengan mengadakan hubungan yang baik dengan wakil masyarakat dan juga menyiasat setiap aduan dalam kadar segera dan tindakan juga akan diambil.

"JASNS juga telah mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan semua pengoperasian kilang berpandukan kepada syarat dan peraturan sedia ada terutamanya berkaitan perkara yang boleh menyebabkan pencemaran," kata Arul Kumar.

25 pelajar IPT terima komputer riba percuma daripada Veerapan



Seramai 25 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) daripada keluarga kurang berkemampuan, menerima bantuan komputer riba daripada **ADUN Repah**, Veerapan Superamiam.

Veerapan berkata, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif bantuan komputer riba bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan melalui Yayasan Negeri Sembilan (YNS) sejak tahun 2020.

"Komputer riba yang disumbangkan adalah mengikut spesifikasi keperluan kursus pengajian yang diambil.

"Pemberian komputer riba kepada mahasiswa yang memerlukan adalah untuk memudahkan melakukan tugas di IPT masing-masing.

"Sumbangan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat komited bagi memastikan pendidikan di negeri ini semakin ke hadapan," kata Veerapan di Majlis Penyerahan Komputer Riba kepada pelajar IPT dari keluarga B40 di Balai Raya Tampin Tengah.

Turut hadir, Pegawai Tadbir Pendidikan YNS, Ibrahim Noor Azam.

539 Rumah Generasi Baharu Felda di Felda Bukit Jalor dan Felda Bukit Rokan Utar



Ahli Parlimen Tampin, Dato' Mohd Isam Mohd Isa berkata, sebanyak 239 unit rumah Projek Generasi Baharu Felda (PGBF) di Felda Bukit Jalor dan 300 unit rumah di Felda Bukit Rokan Utara sedang dibina.

"Rumah-rumah ini dijangka akan diserahkan kepada pemohon secara berperingkat sebelum hujung tahun ini.

"Dalam pada itu, beberapa isu yang dibangkitkan melibatkan beberapa jabatan akan dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan projek ini siap secepat mungkin.

"Sememangnya isu PGBF sudah lama membelengu pentadbiran kawasan ini

dan semua pihak yang terlibat perlu bekerja keras agar isu PGBF diselesaikan segera mengikut jadual yang telah ditetapkan

"Selain itu, isu rumah kedua di tapak sedia ada dan Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1967 yang perlu diteliti kembali dengan kadar segera," kata Mohd Isam.

Mohd Isam berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke PGBF di Felda Bukit Jalor dan Felda Bukit Rokan Utara bersama EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias.

Kem Gen Al-Fateh bina jati diri, pupuk sifat kepimpinan



ADUN Seremban Jaya, P. Gunasekaren telah menghadiri Majlis Perasmian Penutup Program Kem GEN Al-Fateh di Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Forest Heights.

Gunasekaren berkata, kem ini bukan sahaja bertujuan untuk mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga untuk membina jati diri yang teguh, memperkukuh nilai-nilai Islam, serta memupuk sifat kepimpinan dan semangat kerjasama dalam kalangan anak-anak kita.

"Saya berharap agar segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang kem ini akan dimanfaatkan oleh para peserta dalam kehidupan seharian.

"Selain itu, saya berharap agar kem ini menjadi titik permulaan dalam melahirkan generasi Al-Fateh yang berjiwa besar, berakhlak mulia, dan berwawasan tinggi.

"Program Kem GEN Al-Fateh ini diadakan selama tiga hari dan seramai 47 peserta, terdiri daripada 33 lelaki dan 14 perempuan, telah menyertai di kem ini dengan penuh semangat," ujar Gunasekaren.

Masyarakat berbilang kaum hadir meriahkan Hari Informasi Pertanian



Masyarakat berbilang kaum dan pelbagai lapisan umur hadir dan memeriahkan Program Hari Informasi Pertanian Peringkat Daerah Seremban di Dataran Ampangan @Benteng Ampangan.

ADUN Ampangan, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman berkata, program yang diadakan selama dua hari itu mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat setempat.

"Dalam pada itu, pada majlis ini saya juga menghulurkan sumbangan kewangan kepada keluarga asnaf dari DUN

Ampangan.

"Pada masa yang sama, saya juga menyerahkan insentif daripada Kerajaan Negeri Sembilan kepada usahawan di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

"Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Pertanian Daerah Seremban dan semua pihak yang telah membantu menjayakan program ini," kata Tengku Zamrah.

25 pengantin baru dapat bantuan RM12,500 daripada Asna



ADUN Lenggeng, Dato' Mohd Asna Amin menyerahkan bantuan kewangan perkahwinan RM500 kepada 25 pengantin baharu.

Mohd Asna berkata, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Sejahtera Rakyat (SSR) dan bantuan perkahwinan RM500 diberikan kepada setiap anak negeri yang

mendirikan rumah tangga kali pertama.

"Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu orang muda atau bagi yang melangsungkan perkahwinan kali pertama.

"Bantuan ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu pasangan

muda yang memulakan kehidupan baharu.

"Bagi yang belum mendaftar, hubungi Pusat Khidmat Rakyat DUN Lenggeng atau boleh juga layari laman n9.digital untuk maklumat lanjut," kata Mohd Asna.

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Jumaat, 18 Okt 2024

BELANJAWAN 2025

Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan,
Mensejahtera Rakyat

20 Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Topi keledar percuma kepada 67,000 keluarga susah

2024	2025
Ditampung Kerajaan	Ditampung Kerajaan



f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Sumbangan Tunai RAHMAH

2024	2025
Maksimum RM 3,700	Maksimum RM 4,600

f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

2024	2025
RM 784 juta	RM 870 juta

f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Gaji Minimum

2024	2025
RM 1,500 sebulan	RM 1,700 sebulan

f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Perkenal Garis Panduan Gaji Permulaan bagi Sektor Pekerjaan

2024	2025
Tiada	Contoh RM 3,380 Jurutera Mekanikal

f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

KEMENTERIAN KOMUNITI

Belangawan 2025
MALAYSIA MADANI

Sumbangan Asas RAHMAH

2024	2025
RM 100 sebulan	RM 100 sebulan

f x @ d | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Dasar Gaji Progresif

2024	2025
Tiada	RM 200 juta

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Bantuan OKU

2024	2025
RM 1.2 bilion	RM 1.3 bilion

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Bantuan pembelian tiket penerbangan bagi mahasiswa kurang mampu

2024	2025
60,000 mahasiswa	60,000 mahasiswa

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Tampung lesen motosikal 15,000 anak muda kurang mampu

2024	2025
Ditampung Kerajaan	Ditampung Kerajaan

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Subsidi, bantuan dan insentif untuk pesawah dan nelayan

2024	2025
RM 2.6 bilion	RM 2.78 bilion

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Program Payung Rahmah

2024	2025
RM 200 juta	RM 300 juta

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Bantuan Warga Emas

2024	2025
RM 500 sebulan	RM 600 sebulan

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Bantuan Kanak-Kanak Keluarga Miskin (6 tahun ke bawah)

2024	2025
RM 200	RM 250



f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Elaun Sara Hidup siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di IPG

2024	2025
RM 430	RM 530

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Kadar Bantuan Am Wilayah Persekutuan

2024	2025
RM 100	RM 150

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Bantuan Kanak-Kanak Keluarga Miskin (7 hingga 18 tahun)

2024	2025
RM 150	RM 200

f x @ | Fahmi Fadzil

Inisiatif Bantuan Rakyat dan Kos Sara Hidup

Bantuan Awal Persekolahan

2024	2025
RM 788.1 juta	RM 800 juta

f x @ | Fahmi Fadzil

Anwar cetus forum cangkil kepakaran ekonomi, AI, Fintech, kemiskinan dan pengangkutan

KUALA LUMPUR:

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengacarakan Forum Ilmuan Malaysia MADANI (FIM) yang julung-julung kali diadakan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Anwar berkata, beliau telah mengilhamkan forum ini tatkala mula menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Lantas ruang wacana secara terbuka buat pertama kalinya ini memilih tema 'Peralihan Tenaga Untuk Kesejahteraan Masa depan Negara'.

"Forum ini merupakan satu agenda dan

platform bagi mewujudkan serta mencambah budaya wacana yang sihat yang bertujuan mencangkil, mempersoal, menyanggah pelbagai dasar yang cuba dijemakan Kerajaan dengan hujah dan kritikan yang terbuka dan membina, selain menjadi ruang kerjasama di kalangan dan antara Kerajaan, ketua-ketua GLC/GLIC, para ilmuwan dan akademik, pihak industri, institusi pendidikan tinggi, pakar-pakar bidang dan tokoh usahawan," jelas beliau.

Anwar tambah, forum ini akan diadakan secara berkala, bulanan dengan kerjasama lima lagi GLC sebagai permulaan iaitu PETRONAS, DigiCelcom, Maybank, Khazanah Nasional dan

Perodua yang masing-masing dengan topik berkaitan Ekonomi, Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), Fintech, Kemiskinan dan Pengangkutan Mampan.

"Saya mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan ini dan hampir menjawab semua persoalan yang dibangkitkan, termasuk mengenai keadaan dan permasalahan kadar upah yang rendah serta usaha Kerajaan dalam mendepaninya.

"Sebagai contoh, kita ada ramai anak muda di kalangan hufaz, namun ia tidak harus terhenti di aspek penghafalan semata.

"Malah, Kerajaan harus menggalakkan mereka



untuk berusaha menguasai bidang-bidang lain yang kritikal dan mendesak sebagai memaknai kerangka besar Kerajaan mengenai penyerapan pelajar-pelajar maahad tahfiz ke dalam TVET.

"Justeru itu, di sini Kerajaan akan dapat melonjak prospek masa depan anak-anak tahfiz dan juga sedikit sebanyak, pada masa sekarang, membantu mereka mendapat kadar upah yang lebih baik," kata Anwar.



Sekolah di DUN Sikamat terima sumbangan 'Smart Board' daripada Aminuddin

SIKAMAT: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah menyumbang 'Smart Board' kepada sekolah-sekolah di DUN Sikamat.

Aminuddin berkata, serahan 'Smart Board' ini adalah salah satu manifestasi Kerajaan

Negeri dalam menyediakan suasana belajar yang lebih interaktif dan mengikut era pendigitalan.

"Smart Board adalah peranti papan interaktif yang boleh digunakan dalam bilik darjah bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran secara progresif.

"Peranti ini juga membolehkan guru dan pelajar untuk menulis, melukis, menyentuh, menggerakkan dan berinteraksi dengan pelbagai bahan digital seperti teks, imej, video dan audio.

"Berbagai aplikasi sedia ada terdapat di dalam

peranti tersebut seperti 'Quizizz', 'Kahoot', 'YouTube', 'Google Classroom', 'jomstudi.my/' dan sebagainya yang boleh digunakan bagi membantu dan menarik minat para pelajar.

"Adalah menjadi harapan saya dengan serahan 'Smart Board' ini dapat

menghasilkan suasana belajar yang lebih kondusif kepada anak-anak semua," kata Aminuddin yang juga ADUN Sikamat.





Negeri Sembilan mahu lebih ramai pelajar sekolah ambil pengajian STEM

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan mahu lebih ramai pelajar sekolah menengah di negeri ini mengambil pendidikan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kalau dahulu ramai pelajar suka mengambil

bidang STEM, kini keadaan telah berubah.

"Pelajar sekolah ketika ini tidak mahu mengambil pendidikan STEM termasuk subjek Matematik Tambahan.

"Mereka lebih berminat belajar subjek yang agak mudah berbanding STEM.

"Ini antara cabaran kita untuk meneroka bidang pengajian yang baharu seperti Artificial Intelligence (AI).

"Maka Kerajaan Negeri akan bantu Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) untuk menggalakkan anak muda minat semula untuk belajar dalam bidang STEM.

"Kita mahu kelas-kelas Sains penuh seperti dahulu," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian dalam sesi Town Hall 'Sejahtera Waghah Nogori' bersama pelajar anak Negeri Sembilan di institut pengajian tinggi yang diadakan di Dewan Komuniti Taman Coral Height.

Lapan buah sekolah terima RM445 ribu daripada Loke

SEREMBAN: Sebanyak lapan buah sekolah telah menerima sumbangan kewangan berjumlah RM445 ribu daripada Ahli Parlimen Seremban, Anthony Loke Siew Fook.

Walau bagaimanapun, setiap sekolah menerima jumlah yang berbeza kerana ia bergantung kepada keperluan setiap sekolah.

Sekolah yang menerima sumbangan tersebut adalah seperti berikut:

a) Sekolah Menengah

Kebangsaan Nilai Impian - RM68,200 (pembekalan 33 unit 'smart projector')

b) Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Said Nilai - RM60,000 (pembekalan peralatan dan kelengkapan bilik mesyuarat)

c) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hua Mantin - RM60,000 (pembekalan 18 unit 'smart projector')

d) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Lenggeng - RM47,120 (pembekalan perabot)

e) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Putra Nilai - RM59,210 (pembekalan kerusi dan meja kantin)

f) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Baru Broga - RM49,587 (pembekalan empat unit 'smart board')

g) Sekolah Kebangsaan Batang Benar - RM39,886 (Pembekalan 'Android TV')

h) Sekolah Kebangsaan Nilai Impian - RM61,157.50 (Pembekalan perabot perpustakaan)

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Setiausaha Politik Menteri Pengangkutan, Wayne Ho Weng Wah yang mewakili Loke.



PPANS terbit buku Aminuddin Harun: Menongkah Arus, Melaksana Harapan

SEREMBAN: Perbadanan Perpustakaan Negeri Sembilan (PPANS) menerbitkan sebuah buku yang bertajuk Aminuddin Harun: Menongkah Arus, Melaksana Harapan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, buku yang diterbitkan itu adalah bertujuan merakam perjalanan hidup beliau sebagai seorang anak Negeri Sembilan yang diberi peluang menjadi Menteri Besar. "Lebih berharga apabila buku ini telah disusun oleh Dr. Lim Swee

Tin yang merupakan sasterawan negara.

"Beliau seorang yang tidak asing dalam dunia penulisan terutamanya sajak-sajak yang memberi kesan kepada kita semua.

"Buku ini juga dapat dijadikan rujukan bagi generasi akan datang untuk mengkaji tokoh-tokoh yang terdapat di negeri ini.

"Selain itu, saya juga mencadangkan agar pihak PPANS dapat

menghasilkan sebuah buku untuk merakamkan lokasi-lokasi ikonik di Negeri Sembilan untuk dijadikan rujukan semua pihak.

"Hal ini kerana Negeri Sembilan mempunyai pelbagai lokasi menarik dan tapak warisan sejarah yang boleh diketengahkan," kata Aminuddin.





Malaysia dan Laos setuju tingkatkan kerjasama dua hala perbankan dan kewangan



VIENTIANE: Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Laos setuju untuk memperingkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai sektor.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau dan Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone sepakat untuk terus memperkukuh persahabatan Malaysia-Laos, sekali gus mempertingkatkan kerjasama dua hala terutama dalam sektor pertahanan, perbankan dan kewangan, pendidikan, pelancongan dan sumber manusia.

"Saya dan Perdana Menteri Laos, Sonexay bertukar pandangan dalam pelbagai perkara.

"Saya juga menyatakan komitmen Malaysia untuk meneroka lebih banyak peluang perniagaan di Laos yang boleh memanfaatkan ekonomi kedua-dua negara," ujar Anwar.

Anwar berkata demikian di Majlis Penutupan Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan Kepemimpinan ASEAN kepada Malaysia.

Anwar mewakili Malaysia secara rasmi menerima tugas selaku Pengerusi ASEAN 2025 dan menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas kepimpinan cemerlang Lao PDR sepanjang mempengerusikan ASEAN.

"Malaysia mengambil alih kepemimpinan ini dengan memilih tema 'Keterangkuman dan Kemampuan' yang mencerminkan aspirasi kemajuan bersama tanpa ada yang tercicir.

"Saya beri jaminan bahawa segala tindakan tatkala Malaysia mempengerusikan ASEAN akan diputuskan secara konsensus.

"Tahun 2025 menandakan satu detik penting bagi ASEAN, di mana kita akan meraikan ulang tahun ke-10 penubuhan Komuniti ASEAN, dan memperkenalkan Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

"Insya-Allah, Malaysia akan membawa ASEAN mengharungi masa depan dengan yakin, memperkukuh dan memperluas kerjasama ekonomi serantau, termasuk menerusi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC + China pada 2025.

Lebih penting, ASEAN akan berpegang teguh kepada prinsip memelihara Asia Tenggara sebagai rantau yang aman dan makmur di bawah kepengerusian Malaysia," kata Anwar lagi.



Pengukuhan perpaduan dan pembangunan perlu kerjasama semua kaum

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menekankan bahawa semua kaum perlu bekerjasama dalam mengukuhkan perpaduan dan pembangunan negara.

"Ini penting agar kita berjaya sebagai sebuah negara dan bukan hanya bagi segelintir

kumpulan masyarakat," katanya sewaktu merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KE-78 Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM).

Anwar berkata, dalam konteks ini, ACCCIM telah menjadi rakan strategik

Kerajaan MADANI terkait sektor ekonomi dimana peranan ini jelas dapat dilihat melalui kejayaan penganjuran Kongres Usahawan Cina Sedunia (WCEC) 2024 di Kuala Lumpur pada bulan lalu.

"Saya juga jelaskan bahawa dasar Malaysia

sebagai sebuah negara yang merdeka adalah bagi membina hubungan baik dengan pelbagai negara tanpa mengikut telunjuk mana-mana negara.

"Selain itu, saya singgung tekad Kerajaan MADANI bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam.

"Ini termasuklah tahap kecekapan, kepantasan kelulusan, perbelanjaan berhemah dan memperkemas tatakelola.

"Untuk berjaya, tekad ini turut perlu mendapat sokongan daripada sektor swasta," ujar Anwar lagi.





PELABURAN BAHARU GOOGLE AKAN CETUS PERKEMBANGAN EKONOMI DIGITAL NEGARA



PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaburan baharu Google di Malaysia berjumlah AS\$2 bilion yang diumumkan akan mencetus perkembangan ekonomi digital di negara ini serta melahirkan modal insan berkemahiran dalam kalangan anak-anak watan.

"Malaysia telah melalui beberapa siri transformasi industri — daripada negara yang kebanyakannya bergantung kepada komoditi dan hasil tuaian, kepada industri pembuatan dan perkhidmatan.

"Saat ini kita memiliki peluang terbaik untuk memangkinkan transformasi digital yang akan membolehkan kita meningkatkan daya saing negara, menambah baik ketelusan serta tatakelola, dan membantu usaha mengurangkan pelepasan karbon — selari dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI.

"Malaysia menjalinkan kerjasama dengan Google yang memberikan dorongan, bantuan, pelaburan serta nasihat kepada kita untuk mara ke hadapan di persada global industri digital

terutamanya dalam bidang pengkomputeran awan, AI serta pembangunan infrastruktur pusat data.

"Alhamdulillah, berkat ikhtiar dan penat lelah Kerajaan MADANI menggerakkan reformasi ekonomi, Malaysia telah diberikan perhatian sebagai satu gelanggang pelaburan bermakna untuk mengangkat kita dalam dunia digital," kata Anwar.

Anwar berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Presiden dan Ketua Pegawai

Pelaburan Alphabet dan Google, Ruth Porat bersama delegasi.

Anwar dan Porat seterusnya menghadiri Majlis Mantap Malaysia Bersama AI anjuran syarikat gergasi teknologi tersebut.

"Majlis ini membuka tirai kepada pengutuhan kerjasama antara Malaysia dan Google bagi mengorak langkah ke arah memperkukuh penguasaan ekonomi digital dan kecerdasan buatan (AI) di negara ini," ujar Anwar.

Pelaburan syarikat teknologi dunia di Malaysia berjumlah RM70.3 bilion

PUTRAJAYA: Pengumuman satu lagi syarikat gergasi teknologi dunia Oracle, terkait pembukaan pusat awan awam (public cloud center) pertamanya di Malaysia dengan pelaburan berjumlah US\$6.5 bilion, menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan syarikat teknologi di Malaysia dianggarkan bernilai US\$16.9 bilion (RM70.3 bilion).

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan ini mencerminkan keyakinan dan komitmen syarikat-syarikat dunia terhadap potensi Malaysia sebagai

pintu masuk bagi infrastruktur awan (cloud) dan menyokong pertumbuhan ekosistem kecerdasan buatan (AI) serantau.

"Kejelasan dasar dan pendekatan kerjasama strategik yang dilaksanakan Kerajaan MADANI telah berjaya menarik pelaburan daripada syarikat teknologi utama dunia seperti Amazon Web Services, Microsoft, Google dan terkini Oracle.

"Penting bagi tenaga kerja dan syarikat tempatan merebut peluang sebaiknya daripada pelaburan-pelaburan ini.

"Dalam beberapa siri perbincangan bersama pelabur termasuk pengurusan tertinggi syarikat-syarikat tersebut, saya tekankan kepentingan perluasan manfaat jangka panjang kepada Malaysia, termasuk pembangunan pusat kecemerlangan, fakulti AI dan pemeraksanaan kumpulan masyarakat.

"Saya yakin dengan sokongan semua pihak, matlamat dan sasaran Ekonomi MADANI akan dapat dicapai, Insya Allah," kata Anwar.



Khutbah Jumaat

ISTIQAMAH LEBIH BAIK DARIPADA SERIBU KARAMAH

TARIKH: 18 September 2024 SUMBER: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)

Istiqamah sering kali digunakan untuk merujuk kepada perbuatan melaksanakan amalan secara konsisten dan berterusan tanpa henti.

Dalam kitab Madarij as-Salikin, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah menukulkan kata-kata Sayidina Umar bin al-Khattab radiallahuanhu yang bermaksud, "Istiqamah bererti tetap melakukan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya tanpa sebarang helah.

"Seterusnya, beliau merumuskan pengertian istiqamah sebagai prinsip utama yang meliputi keseluruhan ajaran Islam, dibina atas kejujuran dalam hubungan dengan Allah serta kesungguhan dalam menunaikan janji kepada-Nya.

Karamah pula merujuk kepada kejadian luar biasa yang dikurniakan oleh Allah 'Azzawajalla kepada para wali-Nya.

Tidak seperti mukjizat yang diberikan kepada para nabi untuk mencabar atau membuktikan kebenaran, karamah ialah anugerah yang diberikan sebagai tanda

sokongan, bantuan dan kemuliaan bagi para wali.

Istiqamah mudah disebut tetapi sukar dilaksanakan.

Hal ini demikian kerana istiqamah memerlukan niat yang tulus serta kesungguhan dan kejujuran yang berterusan.

Istiqamah bukanlah sesuatu yang dilakukan mengikut musim atau hanya dalam keadaan, masa atau tempat yang tertentu.

Sebagai contoh, ada orang yang tekun beramal sepanjang bulan Ramadhan, namun ketekunannya berkurang setelah Ramadhan berlalu.

Begitu juga, ada orang yang sering berdoa, berzikir atau mengamalkan amalan tertentu dengan harapan mendapat ganjaran tertentu.

Namun apabila dia merasakan bahawa doanya lambat dimakbulkan, zikirnya tidak memberikan kesan atau amalannya tidak menghasilkan sesuatu yang diinginkan, dia mula malas dan akhirnya meninggalkan amalan tersebut.

Dia tidak istiqamah kerana niat asalnya tidak betul.

Contoh lain, ada yang bersolat sunat dhuha dengan niat agar rezekinya dilapangkan.

Namun apabila hasil yang diinginkan tidak muncul, dia berhenti melakukannya.

Sebenarnya yang perlu dibetulkan ialah niatnya.

Memang solat sunat dhuha mempunyai kelebihan, tetapi ramai terlupa bahawa rezeki bukan sekadar dalam bentuk wang atau harta.

Keupayaan untuk terus istiqamah dalam beramal adalah satu bentuk rezeki yang sangat bernilai.

Sebenarnya istiqamah memerlukan niat yang murni serta kejujuran dan kesungguhan dalam setiap amalan.

Kita kena faham, mungkin doa kita belum diqabulkan kerana syarat dan adab berdoa yang belum dipenuhi.

Begitu juga zikir dan amalan yang lain mungkin kurang

berkesan kerana syarat dan adab berzikir tidak dipelihara dengan baik.

Para wali Allah dianugerahi karamah kerana istiqamah mereka dalam beramal.

Karamah tanpa istiqamah bukanlah karamah sejati malah boleh berubah menjadi "ihanah" atau kehinaan.

Para wali tidak beramal dengan tujuan meraih karamah, tetapi melakukannya dengan ikhlas semata-mata kerana Allah berpegang teguh pada sunnah.

Ramai yang menyangka karamah hanya terzahir dalam perkara luar biasa yang nampak nyata, sedangkan karamah batin juga wujud.

Keupayaan untuk istiqamah ialah salah satu karamah tertinggi kerana tidak ramai yang mampu mempertahankan ketekunan dalam amalannya.



Ditahan kerana cubaan menghidupkan ajaran Aurad Muhammadiyah

KUALA PILAH: Dua lelaki ditahan ketika disyaki cuba menghidupkan kembali ajaran sesat Aurad Muhammadiyah di Negeri Sembilan.

Ketua Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS, Ahmad Zaki Hamzah berkata, kedua-dua lelaki tersebut

berusia 58 dan 51 tahun telah ditahan di sebuah madrasah yang mempunyai kaitan dengan syarikat Global Ikhwani Services and Business (GISBH) pada Sabtu.

"Kami pada mulanya menyiasat mereka kerana menguruskan madrasah tersebut tidak

berdaftar tetapi kemudian didapati mereka juga cuba menghidupkan kembali ajaran Aurad Muhammadiyah yang telah diisytiharkan haram oleh Jabatan Mufti Negeri pada 2016.

"Mahkamah membenarkan kedua-dua mereka dilepaskan dengan bon jaminan dan

diperintahkan membayar wang jaminan RM2,000 setiap seorang dengan dua penjamin warganegara dan yang bermastautin di Negeri Sembilan.

"Sebutan semula bagi pertuduhan adalah pada 12 November depan," kata Ahmad Zaki.

Aminuddin mahu JHEAINS pantau sekolah pondok dan tahfiz

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun meminta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) menjalankan pemantauan ke atas semua sekolah pondok dan tahfiz di negeri ini.

"Saya berharap pemantauan ini dijalankan dari semasa ke semasa, khususnya sekolah yang bukan beraliran perdana.

"Tidak kira tahfiz atau madrasah, walaupun berdaftar, pemantauan

itu perlu ada daripada jabatan berkaitan.

"Contohnya sekiranya institusi pendidikan itu berdaftar dengan Jabatan Pendidikan maka Jabatan Pendidikan harus memantau.

"Kalau berdaftar dengan JHEAINS, maka JHEAINS perlu memantau sekolah tersebut," jelas Aminuddin.



iFest KEMAS terap nilai Islam pada usia muda

SEREMBAN: Festival Kesenian Islam (iFest) dan Karnival Healthy and Bright Kids yang dianjurkan oleh KEMAS Negeri Sembilan merupakan satu usaha untuk memupuk nilai Islam dalam diri kanak-kanak pada usia muda.

Menteri Besar Negeri Sembilan,

Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, ia merupakan wadah yang baik untuk melahirkan masyarakat yang 'Khairul Ummah'.

"Program sebegini sangat bagus kerana ia juga dapat mendidik anak kita untuk menjadi hufaz

pada usia muda.

"Program seperti ini juga harus diwark-warkan seluruh Negeri Sembilan.

"Ia bagi menunjukkan sekolah milik kerajaan juga mampu melakukan yang terbaik.

"Secara tidak langsung kita dapat menarik minat ibu bapa di kawasan luar bandar untuk menghantar anak mereka ke KEMAS," kata Aminuddin.



Nextstep
PREMIUM

Dapatkan Baju NFL Bermesej Dakwah

Imbas QR Code untuk pembelian di TikTokShop



nextstep
MALAYSIA



Malaysia dan Brazil jalin kerjasama industri pertanian

PUTRAJAYA: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu telah menerima kunjungan dari Duta Brazil ke Malaysia, TYT Ary Norton de Murat Quintella bersama delegasi di Wisma Tani, Putrajaya.

Mohamad berkata, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang sangat baik dengan Brazil dengan perdagangan pertanian antara kedua-dua negara telah menunjukkan arah aliran yang sangat positif.

"Saya berharap kerjasama dan perkongsian ini akan terus berkembang pada masa hadapan.

"Saya turut memaklumkan kepada TYT Ary Norton de Murat Quintella berkaitan dengan kejayaan lawatan kerja saya baru-baru ini ke Brazil dan telah menghadiri sesi taklimat mengenai industri jagung bijian anjuran Kementerian Pertanian dan Ternakan Brazil (MAPA) pada 20 Ogos 2024 di Ibu Pejabat MAPA di Brasilia, Brazil.

"Saya berharap perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat ini akan membantu kedua-dua

negara untuk terus bekerjasama serta meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian," kata Mohamad.



Keterjaminan makanan perlu kerjasama kerajaan dan swasta

PUTRAJAYA: Kerjasama kerajaan dan swasta adalah sangat perlu bagi memastikan keterjaminan makanan," kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu semasa mempengerusikan Mesyuarat Pasca Kabinet di Wisma Tani, Putrajaya.

"Mesyuarat menyentuh tentang beberapa perkara dasar yang berkaitan dengan sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

"Beberapa isu penting turut disentuh termasuk strategi untuk

meningkatkan hasil pertanian dan memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi bagi rakyat.

"Saya turut menekankan perlunya kerjasama antara agensi kerajaan dan pihak swasta untuk mencapai matlamat tersebut.

"Kementerian komited untuk terus memperkukuh dasar-dasar yang menyokong pertumbuhan sektor pertanian dan memastikan kesejahteraan petani serta pengeluaran makanan di Malaysia," kata Mohamad.



2025

PERMOHONAN PROJEK PERTANIAN

KRITERIA

- Warganegara Malaysia 18 tahun ke atas
- Projek sedia ada/baru minima 1 ha/1500 polibeg
- Tapak/Tanah yang disahkan di Negeri Sembilan (sendiri/sewa/pajakan)
- Bersedia melaksanakan Amalan Pertanian Baik (APB)
- Bersedia membiayai kos projek selain insentif dari Jabatan Pertanian

JENIS PROJEK

- Projek sayur-sayuran konvensional/berteknologi tinggi
- Projek buah-buahan konvensional/berteknologi tinggi
- Projek Tanaman Industri Berpotensi
 - Tebu, Herba, Rempah Ratus, Ternakan Kelulut/Lebah dan Cendawan
- Projek Tanaman Padi
- Projek Industri Asas Tani

DOKUMEN WAJIB

- Borang permohonan yang telah lengkap di isi
- Salinan kad pengenalan
- Salinan geran tanah/ perjanjian sewa tapak Pajak yang telah disahkan

BORANG PERMOHONAN

JABATAN PERTANIAN

Daerah Jelebu : 06-6136245
Daerah Rembau : 06-6851248

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat Pertanian Daerah yang berdekatan:

Daerah Jempol : 06-4581020
Daerah Tampin : 06-4411377

Daerah Seremban : 06-6015831
Daerah Kuala Pilah : 06-4812073

Daerah Port Dickson : 06-6471568

RUANG IKLAN UNTUK DISEWA

HUBUNGI
0105392654

Melayu Raya dalam Cita Kemerdekaan Serumpun



BAHAGIAN 3

Di Sumatera, hubungan kesatuan emosi dan budaya terjelma lebih erat. Diikat oleh persamaan agama. Ia sempat dirakamkan oleh Ben Anderson dalam *Imagined Communities* (1983) sebagai;

"Some of the people on the eastern coast of Sumatra are not only physically close, across the narrow Straits of Malacca, to the populations of the western littoral of the Malay Peninsula, but they are ethnically related, understand each other's speech, have a common religion, and so forth.

"These same Sumatrans share neither mother tongue, ethnicity, nor religion with the Ambonese, located on islands thousands of miles away to the east.

"Yet, during this century they have come to understand the Ambonese as fellow Indonesians, the Malays a foreigners".

Kedekatan hubungan Melayu di Semenanjung dan jurai rumpunnya di Sumatera lebih daripada sekadar persamaan ras, malahan, etnik dan suku.

Justeru, dapat disaksikan begitu kerap interaksi dan saling berkomunikasi antara pejuang awal kemerdekaan negara masing-masing yang pernah mahu disatukan.

Mohammad Yamin, antara tokoh pemuka gagasan Indonesia Raya. Beliau merumuskan sempadan konsep berkenaan secara fizikal meliputi wilayah yang terbentang daripada bekas Hindia Belanda, Borneo Utara (Sabah dan Sarawak),

Malaya, Timor Portugis (kini Timor Leste), hingga Papua.

Menurut Yamin, secara historis, politik, dan geopolitik, wilayah-wilayah tadi merupakan satu kesatuan yang tidak terpisahkan.

Yamin, Sukarno tetapi tidak oleh Mohammad Hatta termasuk yang mendukung gagasan negara raya ini.

Lebih awal daripada itu yang menjadi perhatian makalah ini ialah sedutan kajian oleh Profesor Ahmat Adam yang mengupas dengan luas dan mendalam tentang gagasan 'Melayu Raya'.

Menurut beliau, idea Melayu Raya atau Indonesia Raya ini pertama kali dilantunkan oleh Tan Malaka pada tahun 1925 melalui sepucuk surat beliau daripada Chiang Mai kepada Budi Sujitro yang berada di Singapura.

Beliau mengulang kembali gesaannya tentang sangat perlu segera diwujudkan pusat persatuan bagi mencantumkan seluruh bangsa Indonesia, Filipina dan Semenanjung bagi membendung terperosoknya penduduk pribumi disebabkan kebanjiran buruh dan modal asing.

Beliau menegaskan 'sekalian daja oepaja [me] ngembang-ngembangkan dan menciptakan satu persatoean Indonesia Raya di seloeroeh kepoelauan Indonesia mesti dan perloe ada dan dirikan ".

Gagasan beliau ini dituangkan lagi dalam tulisannya pada tahun 1927 ketika melihat keadaan daif orang Melayu di Malaya (termasuk Singapura).

"Satoe poesat persatoean antara seloeroeh bangsa Indonesia [baca Melayu] jakni Indonesia kita, Semenandjoeng dan Philipina [...] adalah sine qua non sjarat oentoek merampas dan mendjaga kebebasan kita.

"Tjilaka soenggoeh, tak dapat bangsa Indonesia [Melayu] di Semenandjoeng Malaka [Malaya] mempertahankan diri dari kebandjiran bangsa India dan Tiongkok jang teroes mengalir ke sana – Bumipoetera di kota-kota pesisir senantiasa didesak ke pinggir kota dan jang tinggal di laoet makin sehari makin djaoeh ke poentjak-poentjak goenoeng " .

Pandangan-pandangan oleh Tan Malaka ini telah mempengaruhi sebilangan besar tokoh-tokoh perjuangan kemerdekaan beraliran alternatif di Malaya pada ketika itu seperti Ibrahim Yaacob melalui Kesatuan Melayu Muda yang kemudiannya didukung oleh Dr Burhanuddin Hilmi, Ishak Haji Muhammad dan beberapa lagi lainnya.

Kebanyakan tokoh daripada Malaya ini mengarahkan perhatiannya terhadap konsep Melayu Raya ini terhadap dasar sosialis, Islam dan bangsa untuk menyelamatkan kaum pribumi daripada terus dilulur kaum penumpang negeri apalagi diperbudak oleh penjajah.

Mereka amat menyedari benar pengaruh kesatuan bangsa melalui bahasa dan agama yang sama sebagai wadah.

Namun, gagasan berkenaan terus terbengkalai. Cita-cita yang tidak kesampaian itu berlaku kerana Jepun yang telah merancang untuk memberikan kemerdekaan kepada Indonesia melalui penubuhan Badan Penyelidik Usaha Kemerdekaan Indonesia telah hancur digodam bom atom di Hiroshima dan Nagasaki.

Ini menyebabkan Sukarno mengumumkan kemerdekaan Indonesia bersendirian tanpa penglibatan Malaysia kerana tidak sanggup menghadapi dua kuasa penjajah – Belanda dan Inggeris serentak.

Cinta, Merdeka atau Mati

Kemerdekaan Indonesia dipertaruhkan dengan darah dan air mata. Tidak mudah walaupun selepas proklamasi, Belanda dan Inggeris masih lagi tidak mahu menyerahkan kedaulatan penuh kepada Indonesia.

Memang pengisytiharan kemerdekaan Indonesia dibuat pada 17 Ogos 1945 dibuat tidak disangkakan sesegera itu.

Ekoran kekalahan Jepun, tanah air Indonesia terbebas sementara daripada kuku penjajah, kesempatan itulah yang direbut oleh Sukarno – Hatta untuk mengisytiharkan kemerdekaan.

Dampaknya? Rentetan peristiwa berdarah disaksikan di seluruh belahan Indonesia. Wiranya di setiap pergerakan itu – pemuda November Berdarah (Peringatan Merdeka Indonesia dan Patani).

Perjuangan para pemuda untuk menebus semula kemerdekaan Nusantara tidak hanya terhenti pada kesatuan dalam sebuah entiti politik sahaja.

Selepas masing-masing menentukan nasib sendiri, perjuangan sambung menyambung tetap terus menyala.

Indonesia lebih dahulu mendapat kemerdekaan – tidak di meja rundingan, api cinta menyala di medan pertempuran.

Dengan buluh runcing sekecil-kecil kepada kelengkapan perang yang ditinggalkan British dan Jepun, pemuda Indonesia menggelora.

".....Dan untuk kita saudara-saudara lebih baik kita hancur lebur daripada tidak merdeka semboyan kita tetap MERDEKA atau MATI. Dan kita yakin saudara-saudara pada akhirnya pastilah kemenangan akan jatuh ke tangan kita sebab Allah selalu berada di pihak yang benar percayalah saudara-saudara tuhan akan melindungi kita sekalian. Allahuakhbar!"

Petikan di atas ini ialah hujung pidato Bung Utomo pada 09 November 1945 untuk membangkitkan semangat pemuda mempertahankan kemerdekaan Indonesia pada masa kembali dihurung oleh tentera Belanda dan Inggeris.



MUHAMMAD HANAPI JAMALUDIN

Presiden Benevolent

PENGUMUMAN PERUBAHAN JADUAL KUTIPAN SISA



Penduduk di Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor yang dihormati sekalian.

SWM Environment ingin memaklumkan bahawa dalam usaha meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kami, terdapat perubahan pada jadual kutipan sisa domestik dan pukal berkuatkuasa bermula 1 Oktober 2024.

Untuk maklumat lanjut dan semakan jadual kutipan yang terlibat, sila layari laman web kami di pautan berikut:

<https://swm-environment.com/public/schedule-collection>

Elakkan promosi Skibidi

Ia mungkin sudah melekat di minda anda menerusi lagu parodi.

Namun ia bukan satu trend yang baik kerana secara tidak langsung kita mempromosikan siri Skibidi Toilet yang tidak sesuai untuk kanak-kanak.

Skibidi Toilet ialah siri video komedi yang menggabungkan unsur-unsur humor yang pelik, di mana ia memaparkan tandas antropomorfik (berbentuk manusia) yang mempunyai kepala yang muncul dari dalam mangkuk tandas.

Tandas ini biasanya "berperang" dengan watak-watak lain yang menyerupai kamera yang berjalan dan objek-objek lain.

Walaupun trend Skibidi mungkin kelihatan menyeronokkan dan menarik pada permukaannya, banyak versi Skibidi di media sosial mengandungi elemen yang tidak sesuai, termasuk aksi-aksi yang vulgar atau tidak bermoral, yang boleh memberi pengaruh negatif, terutama kepada remaja dan kanak-kanak.

Kita perlu lebih berhati-hati dalam mengikuti trend yang tular di media sosial.

Fikirkan sama ada ia memberi manfaat atau hanya mempromosikan perilaku yang tidak sesuai.

Kredit : Public Health Malaysia

SAYANGI DAN LINDUNGI KANAK-KANAK

TALIAN KASIH 15999

Elakkan Promosi Skibidi

Membawa Pengaruh Negatif

Kandungan Tidak Bermoral

Trend ini mendorong sesetengah individu mencuba aksi berbahaya

tidak sesuai untuk tontonan umum, terutama untuk kanak-kanak.



HANTAR KARYA ANDA!

Negeri Kita membuka ruang kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan Negeri Kita edisi akan datang.

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Hantar ke: bmsmedia.ns@gmail.com

dan terima cenderahati dari pihak negerikita.

Sila sertakan nama, alamat dan nombor telefon.



Hai semua! Kami kembali lagi dengan edisi Teroka Daerah yang mempersembahkan lokasi-lokasi menarik untuk dilawati di setiap daerah di Negeri Sembilan.

Kali ini kita bawa anda semua ke sebuah daerah yang bersempadan dengan Melaka iaitu Tampin.

Sebuah daerah yang dikenali dengan kehijauan alamnya, sejarahnya yang menarik, serta hidangan tradisional yang lazat, Tampin adalah destinasi sesuai untuk pelancong yang ingin melarikan diri dari kesibukan kota.

Bagi mereka yang meminati aktiviti-aktiviti lasak, saya yakin anda semua akan tertarik dengan edisi kali ini kerana terdapat beberapa lokasi yang anda boleh kunjungi.

1) Gua Batu Maloi

Gua yang terkenal dengan batu kapur yang menakjubkan ini serta mempunyai laluan pengembaraan mencabar sudah tentu menawarkan pengalaman berharga kepada anda.

Pelbagai aktiviti menanti anda berjalan dalam gua, meredah sungai sambil dikelilingi flora dan fauna yang mempesonakan.

2) Gunung Tampin

Selain daripada Gua Batu Maloi, Gunung Tampin juga merupakan satu lagi destinasi yang sesuai bagi para penggemar aktiviti lasak atau 'hiking'.

Gunung Tampin ini juga merupakan permulaan ataupun pengakhiran bagi laluan Trans-Naning.

Oleh itu, untuk mereka yang nak mula berlatih mendaki boleh datang ke sini mencuba-cuba sebelum menjadi hobi.

3) Tampin Water Park

Taman Permainan Air Tampin yang mula dibuka pada 2019 ini menawarkan taman tema yang terletak di tengah-tengah keindahan semula jadi Hutan Lipur Gunung Tampin.

Kepada mereka yang datang bersama keluarga, tempat ini sudah tentu menarik dan meluangkan bersama dengan tersayang.

Setelah melakukan aktiviti ini sudah tentu anda perlukan rehat ditemani kehangatan kopi yang menambahkan rasa nyaman dalam diri.

Usah gusar, usah kkuatir kerana di Tampin ini mempunyai beberapa tempat untuk mengopi yang saya pernah menjejakkan kaki.

1) Kayo Cafe

Kedai yang bertempat di Lorong Seni Tampin ini membuatkan anda mengimbau kenangan lama kerana kedai kopi ini bertemakan retro dan klasik.

Bagi mereka yang gemar mengambil gambar, kedai ini sangat sesuai kerana di sini mempunyai pelbagai 'angle' yang lawa.

Dalam masa sama, sajian kopi di kedai ini sangat tidak mengecewakan kerana mempunyai rasa kopi yang sangat seimbang.

2) Hide or Out Cafe

Antara kedai yang menjadi pilihan saya apabila ke Tampin. Ini kerana suasana di kedai ini yang sangat tenteram dengan air kopi pilihan saya adalah 'Apong Latte' serta 'Apong Long Black'.

Kedai ini juga turut memberikan anda manisan yang mampu menjadikan anda semua ketagih.

Tambahan pula, keunikan kedai ini terserlah apabila mereka mempunyai ramen di dalam menu makanan mereka.

Tetapi bagi mereka yang mengutamakan makan setelah melakukan aktiviti lasak ataupun mungkin ada yang datang daripada jauh, jadi perlu mengisi

perut mereka, di daerah ini mempunyai banyak pilihan kedai makan daripada sedap sehingga paling sedap pun ada.

1) Lomak Salai

Antara kedai paling 'viral' di Tampin. Mempunyai pelbagai jenis makanan Negeri Sembilan dengan rasa yang cukup memikat hati.

Tapi, anda kena tahu bahawa di sini jarang-jarang nak makan tak beratur. Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

2) Mama Nor

Kedai ini menggunakan konsep Masakan Cina Muslim dengan menggunakan Yong Tau Fu sebagai menu utama disertakan sos resipi istimewa keluarga ini pasti dapat memikat hati pengunjung.

Aktiviti lasak sudah, menghirup kopi juga selesa, perut pula sudah terisi.

Oleh itu, sampai di sini sahaja Teroka Daerah bagi edisi kali ini, sehingga kita berjumpa lagi pada edisi akan datang.

Isu eksploitasi kanak-kanak, pihak bertanggungjawab perlu diambil tindakan tegas

Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan pendedahan mengenai eksploitasi kanak-kanak dan remaja yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Sdn Bhd (GISB), suatu kejadian yang benar-benar menimbulkan kebimbangan mendalam terhadap hak dan kesejahteraan kanak-kanak dan remaja pada masa ini.

Insiden ini merupakan satu tamparan keras kepada nilai-nilai kemanusiaan dan agama yang sepatutnya melindungi golongan yang paling rentan dalam masyarakat kita, terutama sekali kanak-kanak.

Kebimbangan terhadap eksploitasi kanak-kanak atas nama agama

Kanak-kanak adalah amanah yang perlu dijaga, dilindungi, dan diberikan pendidikan yang seimbang.

Sebarang bentuk eksploitasi, terutamanya yang berlaku di institusi yang dikaitkan dengan keagamaan, adalah sangat mengkhawatirkan dan tidak boleh dibiarkan berterusan.

Kegagalan melindungi kanak-kanak daripada dieksploitasi adalah satu pengkhianatan besar kepada kepercayaan dan tanggungjawab kita sebagai masyarakat.

Kanak-kanak tidak sepatutnya dijadikan alat untuk mencapai kepentingan peribadi atau ekonomi mana-mana pihak.

Tugas kita sebagai pemimpin dan masyarakat adalah untuk melindungi mereka daripada menjadi mangsa eksploitasi.

Kegagalan untuk melakukannya adalah satu penghinaan terhadap nilai-nilai kemanusiaan kita.

Kanak-kanak harus diberikan hak mereka untuk mempunyai pendidikan dan hidup dalam persekitaran yang selamat dan positif, tanpa rasa takut atau tertindas.

Pendedahan bahawa premis-premis yang terlibat dalam aktiviti GISB menggunakan kanak-kanak bagi tujuan yang bertentangan dengan hak dan kesejahteraan mereka adalah amat mengecewakan.

Apa yang lebih mengejutkan ialah eksploitasi ini berlaku di bawah naungan institusi yang sepatutnya berperanan mendidik, menjaga kebajikan, dan melindungi mereka dan difahamkan mereka adalah golongan orang-orang agama.

Kita tidak boleh membiarkan mana-mana pihak mengambil kesempatan terhadap mangsa, lebih-lebih lagi apabila mereka menggunakan nama agama sebagai perisai untuk tindakan tidak bermoral ini.

Terima Kasih kepada PDRM dan agensi penguatkuasa yang terlibat

Saya mewakili Pertubuhan Generasi Aspirasi Pemimpin Wanita Malaysia (GAP.MY) ingin mengucapkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah menjalankan Ops Global dengan cekap dan berkesan, yang berjaya menyelamatkan 402 orang kanak-kanak dan remaja serta menahan 171 individu yang dipercayai terlibat dalam isu eksploitasi ini.

Operasi yang melibatkan serbuan ke atas 20 premis GISB di Negeri Sembilan dan beberapa negeri lain ini adalah satu langkah penting dalam membongkar aktiviti tidak bermoral ini.

Usaha keras pihak berkuasa adalah bukti nyata komitmen mereka dalam melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk eksploitasi.

Namun, saya ingin menegaskan bahawa ini hanyalah permulaan.

Kita tidak boleh berhenti di sini. Siasatan yang lebih mendalam perlu diteruskan

untuk memastikan setiap sudut eksploitasi ini ditangani dengan teliti.

Saya menyeru agar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranan aktif dalam siasatan ini, terutama dalam memastikan premis-premis yang menggunakan nama agama atau pendidikan agama dipantau dengan lebih ketat, terutama sekali institusi pendidikan dan kebajikan yang melibatkan kanak-kanak.

Kita tidak boleh berkompromi dalam soal keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

Setiap premis yang terlibat mesti melalui pemeriksaan yang ketat dan rapi untuk memastikan tiada unsur penderaan, eksploitasi, atau manipulasi agama yang berleluasa seperti yang tular dalam media sosial kini.

Penting untuk kita mengambil pendekatan yang teliti dalam menangani isu ini.

Walaupun serbuan telah dilakukan dan individu-individu terlibat telah ditahan, kita perlu memastikan bahawa proses siasatan diteruskan dengan penuh ketelusan dan segala bukti yang dikumpul disemak dengan adil.

Ini termasuk memastikan kanak-kanak yang terlibat diberi perhatian dan dilindungi sepanjang proses ini.

Fokus kepada Negeri Sembilan dan kawasan Juasseh

Sebagai ADUN Juasseh, saya juga amat prihatin kerana kejadian eksploitasi ini turut melibatkan premis di Negeri Sembilan dan di kawasan Kuala Pilah.

Di harapkan langkah-langkah proaktif untuk memantau dan menyasiat premis-premis yang terlibat boleh diambil oleh pihak-pihak tertentu.

Tidak ada ruang untuk eksploitasi kanak-kanak di Negeri Sembilan, apatah

lagi di Juasseh dan dengan itu pihak kami akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak di kawasan Juasseh dan Kuala Pilah terjamin.

Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita mesti memastikan bahawa kanak-kanak di negara ini, terutama sekali di Negeri Sembilan, dilindungi secara terusan.

Pada masa yang sama, kita perlu memastikan juga bahawa siasatan berjalan dengan adil, dengan mempertimbangkan setiap bukti yang dikemukakan.

Lindungi kanak-kanak dan hentikan eksploitasi

Kita perlu memastikan bahawa kanak-kanak yang telah menjadi mangsa eksploitasi menerima sokongan yang sepenuhnya, merangkumi dari segi perlindungan, pendidikan, serta bantuan dalam aspek mental dan emosi mereka.

GAP.MY merupakan sebuah NGO dan komited untuk menawarkan bantuan kaunseling dan guaman kepada mangsa dan keluarga yang terlibat.

Kami akan bekerjasama dengan pihak berkuasa dan badan-badan berkaitan untuk memastikan kanak-kanak ini mendapat bantuan yang diperlukan untuk pulih daripada trauma ini.

Sudah tentu, kita perlu gerak bersama dalam memfokuskan bantuan kepada mangsa dan kami juga berharap agar Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dapat terlibat bersama-sama dan secara aktif dalam memantau proses siasatan, mengkaji punca utama peningkatan kes eksploitasi kanak-kanak yang dikaitkan dengan institusi keagamaan, serta memberikan rekomen-dasi kepada kerajaan untuk memastikan semua hak

kanak-kanak dilindungi dan keadilan ditegakkan.

Kami juga menggesa supaya usaha memperkasakan pendidikan seksualiti (CSE) yang komprehensif kepada anak-anak kita tentang sentuhan selamat atau sentuhan tidak selamat ditekan dengan segera.

Ini termasuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak mengenai hak mereka terhadap tubuh badan mereka, konsep autonomi badan, serta bagaimana mengenal pasti dan melaporkan sentuhan yang tidak selamat.

Pendidikan ini bukan sahaja memberikan kanak-kanak pengetahuan asas tentang tubuh mereka, tetapi juga melindungi mereka daripada potensi ancaman penderaan seksual.

Tambahan lagi, GAP.MY akan terus memperjuangkan hak kanak-kanak dan wanita untuk hidup dalam persekitaran yang selamat dan bebas daripada sebarang bentuk eksploitasi dan keganasan.

Dan apabila kita gagal melindungi anak-anak kita, kita gagal sebagai sebuah negara, sebagai sebuah komuniti, dan sebagai sebuah masyarakat.



PUAN SRI BIBI SHARLIZA MOHD KHALID
Presiden Pertubuhan Generasi Aspirasi Pemimpin Wanita Malaysia (GAP.MY)

1.4 juta belia Korea Utara sertai tentera

SEOUL: Agensi media Korea Utara melaporkan bahawa sekitar 1.4 juta belia termasuk pelajar dan pegawai liga belia menyertai atau kembali ke angkatan tentera.

Dakwaan Korea Utara mempunyai lebih satu juta anak muda yang menyertai Tentera Rakyat Korea negara itu dalam masa dua hari selepas ketegangan di Semenanjung Korea semakin memuncak. Korea Utara juga pernah melakukan dakwaan sama

tahun lalu dengan menyatakan bahawa rakyatnya secara sukarela menyertai tentera untuk menentang Amerika Syarikat.

Terbaru, Korea Utara telah bertindak dengan meletupkan bahagian jalan dan landasan kereta api antara Korea di sebelah sempadannya.

Tindakan itu menyebabkan tentera Korea Selatan melepaskan tembakan amaran kepada Korea Utara.

Selain itu, Pyongyang juga turut menuduh Seoul menghantar dron ke atas ibu negara Korea Utara dan kedua-dua Korea telah bertelagah mengenai belon sampah yang terapung sejak Mei dari Korea Utara.

Pyongyang berkata, pelancaran itu adalah sebagai tindak balas kepada dron yang dihantar oleh aktiviti anti-rejim di selatan.

"Jika perang meletus, Republik Korea (ROK) akan dihapuskan daripada peta.

"Oleh kerana ia (Korea Selatan) mahukan peperangan, kami sanggup menamatkan kewujudannya," kata laporan KCNA.



Utara Gaza terputus perkhidmatan internet

GAZA: Syarikat Telekomunikasi Palestin (Paltel Group) memaklumkan bahawa gangguan sepenuhnya perkhidmatan internet di wilayah utara Semenanjung Gaza yang mengalami pembunuhan beramai-ramai berterusan dan pemindahan paksa oleh pasukan pendudukan selamat 15 hari.

"Gangguan tersebut melibatkan kebanyakan kawasan di utara Gaza yang sebelum ini mengalami gangguan secara berperingkat sebelum terputus sepenuhnya.

"Kru syarikat kini sedang bekerja keras untuk memulihkan perkhidmatan secepat mungkin," kata wakil Paltel Group.

Gangguan komunikasi dan internet itu menjejaskan keupayaan rakyat untuk berhubung dengan kru pertahanan awam dan perkhidmatan awam.

Sejak mulanya pencerobohan pasukan pendudukan

pada 7 Oktober tahun lalu, perkhidmatan komunikasi dan internet di Gaza telah terganggu beberapa kali akibat pengeboman yang berterusan menyebabkan infrastruktur rangkaian komunikasi mereka terjejas.

Paltel juga memaklumkan terdapat beberapa pekerja mereka yang terkorban ketika bekerja bagi memulihkan komunikasi di kawasan itu.



Thomas Tuchel kini Pengurus Three Lions



Thomas Tuchel, bekas jurulatih Chelsea dan Bayern Munich, telah dilantik sebagai pengurus baharu pasukan England dengan kontrak selama 18 bulan, bermula 1 Januari 2025.

Persatuan Bolasepak (FA) mengumumkan pelantikan ini setelah Gareth Southgate meletak jawatan selepas kekalahan England dalam final Euro 2024.

Tuchel, yang berusia 51 tahun, menyatakan bahawa menjadi pengurus England adalah satu keistimewaan dan beliau teruja untuk bekerja dengan pemain berbakat.

Gajinya dilaporkan sekitar 5 juta pound setahun, dan beliau akan dibantu oleh Anthony Barry.

Ketua Pegawai Eksekutif FA, Mark Bullingham, menyatakan keyakinan mereka terhadap Tuchel, yang merupakan salah satu jurulatih terbaik di dunia.

Tuchel menjadi pengurus asing ketiga bagi skuad England, selepas Sven-Goran Eriksson dan Fabio Capello.

Beliau mempunyai rekod kejayaan yang cemerlang, termasuk meraih kejuaraan Liga Juara-Juara bersama Chelsea dan Bundesliga bersama Bayern.

Namun, selepas musim lalu tanpa sebarang trofi, beliau kini bersedia untuk cabaran baharu bersama England.

BELANJAWAN MADANI 2025: RM7.5 bilion untuk TVET

PUTRAJAYA: Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan di atas pengumuman Belanjawan MADANI 2025 melibatkan TVET.

"Sebanyak RM7.5 bilion akan diperuntukkan pada tahun hadapan bagi pemerkasaan TVET merentas pelbagai pemain industri TVET.

"Kementerian Belia dan Sukan akan terus memperluas penyampaian TVET melalui TVET Sukan dengan menawarkan beberapa kursus baharu seperti Kursus Pembinaan dan Penyelenggaraan Fasiliti Sukan, Permotoran Sukan (empat roda dan dua roda), dan Fotografi Sukan," ujar Hannah.

Hannah berkata demikian di Konvokesyen Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) Ke-19.

Dalam pada itu, Hannah mengucapkan syabas dan tahniah kepada 4,320 graduan Institusi Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang bergraduat pada tahun ini.

"Tahniah juga kepada semua ibu bapa ke atas anak-anak anda.

"ILKBS telah membuktikan bahawa graduan ILKBS juga mampu untuk cemerlang sehingga di peringkat dunia.

"Tahun ini, dua orang peserta ILKBS telah terpilih mewakili negara sebagai peserta ke peringkat dunia di WorldSkills Competition 2024.

"Oleh kerana pencapaian sebeginilah, saya telah mengusulkan supaya diadakan pertandingan TVET sebagai salah satu aktiviti di bawah Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025," kata beliau.



Pires import terbaru skuad Jang

SEREMBAN: Negeri Sembilan FC (NSFC) telah menandatangani pemain import baharu iaitu Ricardo Pires Santos Junior.

Pires dikhabarkan akan menggantikan tempat yang ditinggalkan Mika Junior sekaligus beliau akan bergandingan bersama Takumi Sasaki, Hein Htet Aung dan Jacques Faye.

Beliau sebelum ini berjaya menjangkau lapan gol dalam 16 perlawanan bersama Kanchanaburi FC dalam saingan Liga Thai 2 musim lalu.

Dalam pada itu, Ketua

Jurulatih Negeri Sembilan, K. Nanthakumar berkata, beliau yakin bahawa Ricardo mampu menghasilkan sesuatu untuk pasukan, ditambah dengan kelincuhan Takumi sebagai pemain yang kreatif, kepantasan Hein di bahagian saya serta kekuatan fizikal yang dimiliki Jacques Faye.

"Kami percaya kerjasama antara Ricardo dan pemain lain akan saling melengkapi.

"Selain itu, kita juga perlu memperbaiki kedudukan dalam carta liga dan saya harap kombinasi baharu

barisan hadapan mampu mencipta kejayaan," kata Nanthakumar.

Kemasukan Pires secara tidak langsung akan memberikan nafas baharu kepada pasukan, malahan akan memberikan semangat yang lebih tinggi dalam kalangan pemain dan penyokong skuad Jang.

Beliau juga dijangka akan membuat penampilan pertama dalam perlawanan Liga Super menentang Kelantan Darul Naim FC pada malam ini.



Amalkan gaya hidup sihat dan aktif dalam sukan: Mohd Razi

JELEBU: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lui, Dato' Mohd Razi Mohd Ali menasihatkan penduduk di Daerah Jelebu mengamalkan gaya hidup yang sihat.

"Sempena sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Jelebu 2024, ini satu peluang yang baik untuk kita semua mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dalam sukan.

"Ini ialah kerana kedua-dua elemen atau aktiviti ini boleh dijadikan sebagai platform untuk memupuk semangat perpaduan dan kesihatan dalam kalangan masyarakat.

"Saya menyeru semua warga dalam Daerah Jelebu untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sukan, kerana kesihatan yang baik pada diri kita adalah aset berharga," ujarnya.

Mohd Razi berkata demikian di Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Jelebu 2024 yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pertang.

Turut hadir, Ahli Parlimen Jelebu dan ADUN Pertang, Dato' Seri Jalaluddin Alias dan ADUN Klawang, Dato' Ir. Bakri Sawir.



Negeri Sembilan terima peruntukan naik taraf padang bola sepak



PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan geran RM4.6 juta untuk 10

negeri bagi menaik taraf padang bola sepak di stadium utama.

Menteri Belia dan

Sukan Hannah Yeoh mengumumkan bahawa lapan negeri, Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Terengganu, Selangor, Perak, Kuala Lumpur, dan Melaka mendapat peruntukan penuh RM500,000 untuk menaik taraf saliran dan rumput.

"Sementara itu, Perlis dan Kedah masing-masing menerima RM300,000 untuk menaik taraf saliran sahaja.

"Empat negeri lain Johor, Sabah, Pulau Pinang, dan Sarawak tidak menerima geran tersebut disebabkan pelbagai alasan, seperti keadaan stadium yang baik atau keperluan menunda projek," jelas beliau.

Hannah menekankan pentingnya penggunaan dana yang tepat untuk tujuan yang ditetapkan, dengan jaminan audit untuk memastikan pengeluaran yang betul.

"Geran akan ditarik balik jika negeri tidak dapat melaksanakan projek.

"Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kualiti permainan, terutama selepas perubahan kalendar Liga Malaysia yang menyebabkan perlawanan berlangsung semasa musim hujan," kata Hannah.

Khabib ajak Jojo ke Dagestan

KUALA LUMPUR: Kehadiran Khabib Nurmagomedov di Kuala Lumpur pada September lalu disambut meriah oleh ramai selebriti dan figura tempatan.

Atlet Muay Thai, Johan Ghazali, yang juga hadir, berpeluang berlatih bersama juara UFC tersebut dan menerima

pelawaan untuk berlatih di Dagestan.

Johan, atau Jojo, menyatakan rasa bangga dan bersyukur dikenali oleh Khabib.

Walaupun disiplin mereka berbeza, dia berhasrat untuk menerima pelawaan tersebut.

Khabib juga menyatakan

minat untuk membuka gimnasium latihan rasmi di Malaysia, yang dianggapnya sebagai idea yang baik.

Dia telah berbincang mengenai perkara ini di Jakarta dan berharap dapat membawa jurulatih berkualiti untuk memajukan minat rakyat Malaysia terhadap MMA.



Sukan Negeri Kita



Jadikan Malaysia sebuah 'Negara Bersukan'

AMPANGAN: Budayakan sukan di kalangan rakyat dan jadikan Malaysia sebuah 'Negara Bersukan', kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ampangan, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman.

"Amalkan gaya hidup aktif dan sihat.

"Bersukanlah demi mengekalkan kecergasan dan kesihatan diri selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat! "Bersama-sama kita membudayakan

sukan dan menjadikan Malaysia sebuah 'Negara Bersukan'," kata Tengku Zamrah.

Tengku Zamrah berkata demikian di Majlis Perasmian Karnival Aerobikthon Sekolah Kebangsaan Seri Klana sempena sambutan Hari Sukan Negara 2024.

"Dalam pada itu, saya juga dapat beramah mesra dengan anak-anak di sini bersama ibubapa mereka yang turut hadir memeriahkan sambutan Hari Sukan Negara 2024," ujar beliau.



RM230 juta diperuntuk untuk pembangunan sukan negara

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM230 juta untuk pembangunan sukan semasa pembentangan Belanjawan MADANI 2025.

Anwar berkata, peruntukan ini bagi memperkasakan Program Podium, latihan atlet dan program Road to Gold (RTG).

Dana ini juga merangkumi persiapan atlet para menjelang sukan para dunia termasuk Deaflympic Tokyo 2025, kerja menyelenggara dan membaiki kemudahan belia serta geran padanan sukan sebagai galakan penganju-

ran pertandingan sukan oleh persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kita merakamkan ucapan tahniah kepada semua atlet yang berjuang di pentas Olimpik dan Paralimpik Paris.

"Ini termasuk pencapaian saudara Cheah Liek Hou dan Bonnie Bunyau Gustin yang berjaya merangkul pingat emas.

"Kita berbangga dengan kejayaan pasukan badminton negara antaranya be-



regu wanita Saudari Pearly dan Saudari Thinaah serta beregu lelaki Saudara Sze Fei dan Saudara Izzuddin yang telah mengharumkan nama negara di pelbagai kejohanan antarabangsa.

"Justeru itu, sejumlah RM230 juta diperuntukkan untuk terus memperhebatkan dan membangunkan sukan negara," ujar Anwar.



Bendera Negeri Sembilan megah berkibar di Puncak Gunung Island Peak, Nepal

Tahniah kepada Encik Ravichandran Tharumalingam dan pasukannya kerana berjaya menawan puncak Gunung Island Peak di Nepal, yang mempunyai ketinggian 6,165 meter (20,226 kaki) di atas paras laut.

Ini adalah gunung ketiga yang mereka tawan, selepas Gunung Kilimanjaro di Afrika Selatan pada September lalu.

Pendakian ini juga merupakan salah satu langkah

persediaan untuk Projek 'Negeri Sembilan Road To Everest 2026'.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada beliau.

Teruskan usaha Encik Ravi dan pasukan.

MUSTAPHA NAGOOR
Exco Pembangunan Belia dan Sukan
Negeri Sembilan